



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN MODUL PENDIDIKAN KESIHATAN
REPRODUKTIF DAN SOSIAL
MENERUSI DRAMA KREATIF (PEERS-DK)
TERHADAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN
PREVENTIF PENCABULAN SEKSUAL
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
HANEEM SAID



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SENI KREATIF
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KEBERKESANAN MODUL PENDIDIKAN KESIHATAN
REPRODUKTIF DAN SOSIAL
MENERUSI DRAMA KREATIF (PEERS-DK)
TERHADAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN
PREVENTIF PENCABULAN SEKSUAL
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

HANEEM SAID



**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SENI KREATIF
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021





**KEBERKESANAN MODUL PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF
DAN SOSIAL MENERUSI DRAMA KREATIF (PEERS-DK) TERHADAP
PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PREVENTIF PENCABULAN SEKSUAL
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH
ABSTRAK**

Pencabulan seksual terhadap kanak-kanak merupakan jenayah berat yang kian berleluasa di Malaysia. Isu yang semakin tular di media sosial dan mencetuskan kegusaran banyak pihak ini mampu ditangani sekiranya kanak-kanak diperkasa dengan pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual. Justeru, menerusi kajian ini, sebuah modul keselamatan seksualiti berasaskan Drama Kreatif yang dinamakan sebagai Modul PEERS-DK telah dibina khusus untuk kanak-kanak prasekolah berusia lima dan enam tahun. Pengumpulan data dilaksanakan menerusi beberapa kaedah mengikut tiga fasa kajian yang berbeza. 72 kanak-kanak prasekolah yang dilibatkan dalam kajian ini dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan di mana kumpulan eksperimen telah menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kesihatan Reprodukif dan Sosial (PEERS) menerusi Modul PEERS-DK manakala kumpulan kawalan tidak menerima rawatan terbabit. Ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan ditadbir untuk ke dua-dua kumpulan. Hasil kajian fasa pertama menerusi temu bual terhadap 17 guru prasekolah mendapati bahawa terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS iaitu topik mencabar, guru malu, guru bimbang, kanak-kanak malu dan tingkah laku disruptif kanak-kanak. Selain itu, dapatan kajian juga mendedahkan bahawa kaedah pengajaran yang menarik, menyeronokkan dan aktiviti yang disukai kanak-kanak prasekolah merupakan faktor-faktor penting yang perlu dititikberatkan bagi merangsang fokus dan mengekalkan daya tumpu mereka dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS. Di samping itu, dapatan kajian turut mencungkil cadangan-cadangan daripada para guru di mana mereka menyarankan penggunaan dramatisasi cerita, pantomim, boneka dan





lakonan cerita sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran PEERS yang efektif untuk kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian fasa ke dua yang diperoleh berdasarkan penilaian pakar mendedahkan bahawa semua aktiviti mencecah lebih 70% aras kesahan kandungan. Sementara itu, nilai α keempat-empat sesi dengan 16 aktiviti berada antara julat 0.64 hingga 0.92. Analisis U Mann-Whitney yang ditadbir pada fasa ke tiga kajian membuktikan bahawa min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi secara signifikan dan statistik berbanding kumpulan kawalan dengan nilai $U = 20.50$, $p < 0.05$ selain hipotesis ke dua, ke tiga, ke tujuh dan ke sembilan ditolak. Bukan itu sahaja, malah hasil analisis menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah berupaya menguasai kemahiran preventif pencabulan seksual seperti menjerit meminta pertolongan, melarikan diri, memberitahu orang yang dipercayai mengenai situasi berisiko dan menolak kehendak pemangsa secara verbal dengan berkata, “Jangan”, “Taknak” atau “Tak boleh”. Penemuan tersebut disahkan menerusi triangulasi daripada maklum balas ibu-ibu, kanak-kanak prasekolah dan guru. Kesimpulannya, jelaslah bahawa Modul PEERS-DK sangat sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS kerana pengaplikasiannya mampu meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual kanak-kanak prasekolah dengan baik.

Kata Kunci: Drama Kreatif, kanak-kanak prasekolah, Modul PEERS-DK, pencabulan seksual, Pendidikan Kesihatan Reprodukif dan Sosial





**THE EFFECTIVENESS OF THE REPRODUCTIVE AND SOCIAL HEALTH
EDUCATION MODULE THROUGH CREATIVE DRAMA (PEERS-DK) FOR THE
DEVELOPMENT OF KNOWLEDGE AND SKILLS TO PREVENT SEXUAL
ABUSE AMONG PRESCHOOL CHILDREN**

ABSTRACT

The sexual abuse of children is becoming a major crime in Malaysia and happening alarmingly frequently. Sexual abuse of children is a critical issue that dominates Malaysian social media platforms and is indeed causing high level of concern in the society. However, studies from other countries demonstrate that children equipped with knowledge and preventive skills are more capable of guarding against sexual abuse. During the course of my research, I developed a sexuality safety module using Creative Drama entitled the PEERS-DK Module. The PEERS-KS Module was developed specifically for preschoolers who are five and six years old. Data collection was conducted by using several methods based on three different phases. The 72 preschoolers involved in this research were divided into experimental and control groups. The experimental group underwent a Reproductive and Social Health Education (PEERS) teaching and learning session through the PEERS-DK Module, while the control group did not. A pre-test, post-test and retention test were conducted for both the experimental and control groups. Results obtained from the first research phase, namely the interview carried out with 17 teachers, demonstrated that there were several challenges encountered by the teachers in the teaching and learning of PEERS. These challenges included concern by the teachers that PEERS was challenging topic for them to teach. The teachers interviewed described feeling embarrassed and worried when teaching PEERS. They also noted that their students felt shy and displayed disruptive behaviour during the lessons. My research demonstrates that interesting and fun teaching techniques, as well as activities that could be enjoyed by the students were important factors to be emphasized during PEERS lessons as these teaching techniques helped students' focus in paying attention to the objective of the PEERS teaching and learning



session. Several suggestions from the teachers including the use of story dramatization, pantomime, puppets and story acting were found to be effective teaching and learning strategies of PEERS. These teaching techniques presented difficult and sensitive material in a way that preschoolers could understand. Results from the second phase of the research based on the evaluation of experts revealed that all activities reach more than 70% content validity level. Meanwhile, the α values of the four sessions with 16 activities ranged from 0.64 to 0.93. Mann-Whitney U analysis which was administered for the third phase of research also showed that the mean post-test score for the achievement of sexual abuse knowledge of the experimental group was significantly and statistically higher than the control group with a value of $U = 20.50$, $p < 0.05$ besides the second, third, seventh and ninth hypotheses were rejected. The analysis indicated that the preschoolers included in the experimental group mastered the sexual abuse preventive skill set including screaming for help, running away, informing trusted people about risky situations and rejecting a sexual predator's attempts to abuse by using verbal means such as saying, "Do not do that", "I do not want that" and "No, you can't". These research results further confirmed by triangulation from the feedback of mothers, preschoolers and a teacher. In conclusion, the PEERS-DK Module is highly suitable for the teaching and learning of PEERS in a Malaysian public-school setting as it helps to increase the knowledge and preventive skill set for preschoolers against sexual abuse.

Keywords: Creative Drama, preschoolers, PEERS-DK Module, sexual abuse, Reproductive and Social Health Education



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah, Tuhan yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kajian ini akhirnya berjaya jua diselesaikan. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat dua penyelia hebat yang menjadi tulang belakang saya iaitu Dr Marlenny Deneerwan dan Datin Prof Dr Mariani Md Nor. Ibarat kompas yang memandu arah, dua insan ini sentiasa bersama saya sepanjang pelayaran agar kapal yang saya kemudi tidak karam di tengah samudera. Segunung ucapan terima kasih buat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menaja biasiswa di bawah Skim SLAB. Tidak lupa, sejambak terima kasih ditujukan khusus untuk teraju tertinggi Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya iaitu Dekan; Prof Madya Dr Mohd Nasir Hashim, Timbalan Dekan Ijazah Tinggi dan Penyelidikan; Dr Roslina Ismail, Penolong Pendaftar Ijazah Tinggi dan Penyelidikan; Puan Wan Zatul Itri Wan Rosley serta seluruh warga pengurusan fakulti. Juga, untaian penghargaan dikelungkan buat panel penilai dalaman iaitu Dr Madhya Zhagan a/l Ganesan dan Dr Wong Kwan Yie serta panel penilai luaran iaitu Prof Madya Dr Nordin Mamat dan Prof Dr Kokom Komalasari atas komen, cadangan, buah fikiran dan diskusi yang sangat membina pada 30 April 2021, tarikh bersejarah yang tidak mungkin luput dalam lipatan kenangan meski tahun berganti dekad, dekad bersilih abad. Buat mak, Puan Rokiyah Haji Abu Bakar dan abah, Encik Said Saad, terima kasih atas iringan doa, pengorbanan dan sokongan yang tidak pernah padam. Duhai pengubat lara, penyejuk kalbu dan pencetus ilham, Muhammad Hadeef Qays, maafkan mama untuk masa yang tidak terluang serta janji yang tidak tertunai. Tidak lupa setinggi-tinggi penghargaan dikirimkan buat jentera kanan dan kiri saya iaitu Guru Besar; Puan Rohaza Harun, guru-guru prasekolah; Cikgu Hafiza Hamdan, Cikgu Sulya'ani Mohd Chik dan Cikgu Rohayati Ghazali serta anak-anak kelas Pra Idaman, Pra Impian dan Pra Inspirasi Sekolah Kebangsaan Bandar Mersing tahun 2019 yang dikasihi. Juga selautan terima kasih buat





Guru Besar Sekolah Kebangsaan Merbau Pulas; Encik Mohammad Nor Awang Kechik, guru-guru prasekolah; Cikgu Noriah Abu Bakar dan Cikgu Nor Zamizi Sulong serta anak-anak kelas Pra Berlian dan Pra Intan tahun 2019 yang dirindui. Setulus ingatan kasih buat Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim; Puan Azuraniza Abu Samah dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran; Encik Izanudin Ismail atas kerjasama yang amat padu. Buat Cikgu Rusni Che Adnan, terima kasih atas perkongsian ilmu dan bantuan yang tidak putus-putus dari awal kepayahan jihad ini bermula sehingga lenyap segala kegetiran. Terakhir, terima kasih dititipkan buat teman-teman seperjuangan Spirit Rimau Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, mahasiswa dan mahasiswi UPSI kursus ATT1043 Pengajaran Drama dan Teater semester 2 sesi 2019/2020 (E192) dan ATP3163 Teater Boneka untuk Pendidikan semester 2 sesi 2020/2021 (A202) serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam misi menggenggam segulung ijazah keramat ini. Saya sangat yakin bahawasanya perancangan Allah SWT terlalu luas kerana saat mengharung laut yang bergelora sehingga terasa tiada lagi kudrat untuk meredah badai dan yang tinggal hanya tawakal, pasrah serta redha dihempas ombak, rupa-rupanya saya terdampar di sebuah pulau yang cukup indah. Di sana, Dia telah menemukan saya yang kerdil dan hina ini dengan hamba-hamba-Nya yang ikhlas seperti kalian. Sesungguhnya, ukhwah yang terjalin kukuh sehingga hari ini umpama jernihnya pantai yang penuh dengan Ar-Rahman dan Ar-Rahim-Nya. Pastinya, jasa kalian selamanya utuh di hati dan sentiasa mekar di sanubari. Segala kisah suka, duka, tawa dan tangis yang tercoret pada setiap lembaran peta pelayaran ini telah memplotkan sebuah cerita sang nakhoda yang penuh bermakna untuk diimbau kembali suatu tika nanti. Sujud syukur atas segala petunjuk dan restu-Mu dalam setiap langkah ini. Terima kasih, Ya Allah...

Kota Malim Prima, Tanjong Malim
14 September 2021



KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB 1: PENDAHULUAN 1

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	8
1.2.1 Sejarah Perkembangan PEERS di Malaysia	9
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Kerangka Teoretikal Kajian	46
1.4.1 Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak	46
1.4.2 Teori Bermain	50
1.4.3 Teori Pembelajaran Konstruktivis	53
1.5 Objektif Kajian	57
1.5.1 Objektif Kajian Fasa Analisis Keperluan	57
1.5.2 Objektif Kajian Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK	57
1.5.3 Objektif Kajian Fasa Implementasi dan Keberkesanan	58
Modul PEERS-DK	
1.6 Soalan Kajian	59
1.6.1 Soalan Kajian Fasa Analisis Keperluan	59
1.6.2 Soalan Kajian Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK	60
1.6.3 Soalan Kajian Fasa Implementasi dan Keberkesanan	60
Modul PEERS-DK	
1.7 Hipotesis	61
1.8 Kepentingan Kajian	63
1.9 Batasan Kajian	64
1.10 Definisi Istilah dan Definisi Operasional	65
1.10.1 Modul	65
1.10.2 Drama Kreatif	65
1.10.3 Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial	66

1.10.4	Kanak-kanak prasekolah.....	68
1.10.5	Pengetahuan pencabulan seksual.....	68
1.10.6	Kemahiran preventif pencabulan seksual.....	68
1.11	Rumusan	68

BAB 2: SOROTAN LITERATUR..... 70

2.1	Pengenalan.....	70
2.2	Variasi Pendekatan Drama Kreatif.....	70
2.2.1	Winifred Louise Ward.....	70
2.2.2	Peter Slade.....	75
2.2.3	Brian Way.....	78
2.2.4	Dorothy Heathcote	81
2.2.5	Viola Spolin.....	83
2.2.6	Vivian Gussin Paley	86
2.2.7	Geraldine Brain Siks	87
2.3	Teori-Teori dalam Kajian Lepas.....	89
2.3.1	Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak.....	89
2.3.2	Teori Bermain.....	93
2.3.3	Teori Pembelajaran Konstruktivis.....	97
2.4	Impak Drama Kreatif terhadap Pembangunan Kanak-Kanak.....	99
2.4.1	Lakonan Cerita	99
2.4.2	Nyanyian Aksi.....	104
2.4.3	Boneka.....	107
2.5	Aktiviti-Aktiviti Drama dalam Pendidikan Secara Umum	114
2.6	Impak Pendidikan Kesihatan terhadap Kanak-Kanak.....	119
2.7	Impak Pendidikan Kesihatan menerusi Drama terhadap Remaja dan Dewasa	125
2.8	Kajian Analisis Keperluan	160
2.9	Rumusan	166

BAB 3: METODOLOGI..... 170

3.1	Pengenalan.....	170
3.2	Reka Bentuk Kajian	171
3.2.1	Fasa Analisis Keperluan Modul PEERS-DK.....	173
3.2.2	Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK.....	174

3.2.2.1	Kesahan Kandungan Modul PEERS-DK.....	174
3.2.2.2	Kesahan Muka Modul PEERS-DK.....	179
3.2.2.3	Kebolegunaan Modul PEERS-DK.....	180
3.2.3	Fasa Implementasi dan Keberkesanan Modul PEERS-DK.....	184
3.3	Instrumentasi.....	186
3.3.1	Bentuk Pengumpulan Data Fasa 1.....	191
3.3.2	Bentuk Pengumpulan Data Fasa 2.....	201
3.3.3	Bentuk Pengumpulan Data Fasa 3.....	201
3.4	Populasi dan Pensampelan.....	204
3.5	Prosedur Pengumpulan Data.....	208
3.6	Rumusan.....	215

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS..... 216

4.1	Pengenalan.....	216
4.2	Analisa Data Fasa Analisis Keperluan.....	216
4.2.1	Latar Belakang Responden.....	217
4.2.2	Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 1): Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?	218
4.2.2.1	Topik Mencabar.....	218
4.2.2.2	Guru Malu.....	224
4.2.2.3	Guru Bimbang.....	224
4.2.2.4	Kanak-Kanak Prasekolah Malu.....	225
4.2.2.5	Tingkah Laku Disruptif Kanak-Kanak Prasekolah.....	226
4.2.3	Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 1): Apakah faktor yang mendorong kanak-kanak prasekolah fokus dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?	228
4.2.3.1	Kaedah Pengajaran yang Menarik.....	229
4.2.3.2	Kaedah Pengajaran yang Menyeronokkan.....	229
4.2.3.3	Aktiviti yang Disukai Kanak-Kanak Prasekolah.....	230
4.2.4	Dapatan Soalan Kajian iii (Fasa 1): Apakah jenis Drama Kreatif yang .. telah diaplikasikan oleh guru prasekolah dalam pengajaran PEERS?	236
4.2.4.1	Nyanyian Aksi.....	236
4.2.4.2	Pantomim.....	238
4.2.4.3	Lakonan Cerita.....	240
4.2.4.4	Dramatisasi Cerita.....	242

4.2.4.5 Boneka	242
4.2.5 Dapatan Soalan Kajian iv (Fasa 1): Apakah strategi pengajaran PEERS	245
yang dicadangkan oleh guru prasekolah?	
4.2.5.1 Dramatisasi Cerita	245
4.2.5.2 Pantomim	247
4.2.5.3 Boneka.....	247
4.2.5.4 Lakonan Cerita	248
4.3 Analisa Data Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK.....	249
4.3.1 Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 2): Apakah kesahan kandungan	249
Modul PEERS-DK?	
4.3.2 Kesahan Kandungan Protokol Temu Bual Fasa Analisis Keperluan	254
4.3.3 Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 2): Apakah kebolegunaan	256
Modul PEERS-DK?	
4.3.4 Pembinaan Aktiviti-Aktiviti dalam Modul PEERS-DK	260
4.3.4.1 Contoh Aplikasi Pantomim dalam Modul PEERS-DK	265
4.3.4.2 Contoh Aplikasi Nyanyian Aksi dalam Modul PEERS-DK.....	267
4.3.4.3 Contoh Aplikasi Permainan Teater dalam Modul PEERS-DK.	270
4.3.4.4 Contoh Aplikasi Lakonan Cerita dalam Modul PEERS-DK....	273
4.3.4.5 Contoh Aplikasi Dramatisasi Cerita dan Boneka dalam	274
Modul PEERS-DK	
4.3.5 Data Pemerhatian Tidak Turut Serta	276
4.4 Analisa Data Fasa Implementasi dan Keberkesanan Modul PEERS-DK.....	278
4.4.1 Profil Responden Kajian	278
4.4.2 Proses Penapisan Data	284
4.4.3 Data Terpencil	284
4.4.4 Andaian Kenormalan.....	286
4.4.4.1 Rumusan Kesesuaian Ujian.....	290
Berdasarkan Andaian Kenormalan	
4.4.5 Keberkesanan Modul PEERS-DK.....	290
4.4.5.1 Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 3): Adakah terdapat perbezaan...291	
yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian	
pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen	
dengan kumpulan kawalan?	
4.4.5.2 Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 3): Adakah terdapat	293
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi	



pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?

4.4.5.3Dapatan Soalan Kajian iii (Fasa 3): Adakah terdapat 295

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?

4.4.5.4Dapatan Soalan Kajian iv (Fasa 3): Adakah terdapat 296

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?

4.4.5.5Dapatan Soalan Kajian v (Fasa 3): Adakah terdapat 298

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?

4.4.5.6Dapatan Soalan Kajian vi (Fasa 3): Adakah terdapat 299

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?

4.4.5.7Dapatan Soalan Kajian vii (Fasa 3): Adakah terdapat 300

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?

4.4.5.8Dapatan Soalan Kajian viii (Fasa 3): Adakah terdapat 302

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?

4.4.5.9Dapatan Soalan Kajian ix (Fasa 3): Adakah terdapat 303

perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?

4.4.5.10 Ringkasan Pengujian Hipotesis 305

4.4.6 Respons Kanak-Kanak Prasekolah Kumpulan Eksperimen 306

Terhadap Permintaan Tidak Wajar

4.4.6.1 Dapatan Soalan Kajian x (Fasa 3): Apakah kemahiran 306



preventif pencabulan seksual kanak-kanak prasekolah bagi kumpulan eksperimen selepas implementasi Modul PEERS-DK?

4.4.7	Respons Kanak-Kanak Prasekolah Kumpulan Kawalan Terhadap Permintaan Tidak Wajar	334
4.4.8	Maklum Balas Ibu Berhubung Implementasi Modul PEERS-DK.....	354
4.4.9	Maklum Balas Kanak-Kanak Prasekolah Berhubung Implementasi Modul PEERS-DK	370
4.4.10	Maklum Balas Guru Prasekolah Berhubung Implementasi Modul PEERS-DK	379
4.5	Rumusan	381

BAB 5: DISKUSI DAN CADANGAN 382

5.1	Pengenalan.....	382
5.2	Rumusan Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan.....	382
5.2.1	Diskusi Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 1): Apakah kekangan..... yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?	383
5.2.2	Diskusi Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 1): Apakah factor..... yang mendorong kanak-kanak prasekolah fokus dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?	391
5.2.3	Diskusi Dapatan Soalan Kajian iii (Fasa 1): Apakah jenis..... Drama Kreatif yang telah diaplikasikan oleh guru prasekolah dalam pengajaran PEERS?	393
5.2.4	Diskusi Dapatan Soalan Kajian iv (Fasa 1): Apakah strategi..... pengajaran PEERS yang dicadangkan oleh guru prasekolah?	395
5.3	Rumusan Dapatan Kajian Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK	396
5.3.1	Diskusi Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 2): Apakah kesahan..... kandungan Modul PEERS-DK?	396
5.3.2	Diskusi Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 2): Apakah kebolegunaan..... Modul PEERS-DK?	399
5.3.3	Diskusi dapatan data pemerhatian tidak turut serta.....	400
5.4	Rumusan Dapatan Kajian Fasa Implementasi dan Keberkesanan..... Modul PEERS-DK	401
5.4.1	Diskusi Dapatan Soalan Kajian i (Fasa 3): Adakah terdapat	402



perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?

- 5.4.2 Diskusi Dapatan Soalan Kajian ii (Fasa 3): Adakah terdapat 403
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- 5.4.3 Diskusi Dapatan Soalan Kajian iii (Fasa 3): Adakah terdapat 404
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- 5.4.4 Diskusi Dapatan Soalan Kajian iv (Fasa 3): Adakah terdapat 405
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?
- 5.4.5 Diskusi Dapatan Soalan Kajian v (Fasa 3): Adakah terdapat 405
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?
- 5.4.6 Diskusi Dapatan Soalan Kajian vi (Fasa 3): Adakah terdapat 406
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?
- 5.4.7 Diskusi Dapatan Soalan Kajian vii (Fasa 3): Adakah terdapat 407
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?
- 5.4.8 Diskusi Dapatan Soalan Kajian viii (Fasa 3): Adakah terdapat 407
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?
- 5.4.9 Diskusi Dapatan Soalan Kajian ix (Fasa 3): Adakah terdapat 408
perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?



5.4.10	Diskusi Dapatan Soalan Kajian x (Fasa 3): Apakah kemahiran preventif pencabulan seksual kanak-kanak prasekolah bagi kumpulan eksperimen selepas implementasi Modul PEERS-DK?	408
5.5	Implikasi Kajian.....	413
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....	416
5.7	Penutup	419
	RUJUKAN	422
	LAMPIRAN.....	444

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Cara pelaksanaan kaedah pengajaran drama	6
Rajah 1.2: Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak	49
Rajah 1.3: Teori Bermain	52
Rajah 1.4: Kerangka teoretikal kajian berdasarkan adaptasi Teori Pencabulan	56
Seksual Kanak-Kanak, Teori Pembelajaran Konstruktivis dan Teori Bermain	
Rajah 3.1: Model Pembangunan Modul Sidek	171
Rajah 3.2: Kerangka Konseptual Kajian	172
Rajah 3.3: Proses pembinaan protokol temu bual	194
Rajah 3.4: Daerah-daerah di Johor dan jumlah penduduk di setiap daerah	205
Rajah 4.1: Kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran	228
dan pembelajaran PEERS	
Rajah 4.2: Faktor yang merangsang daya fokus kanak-kanak prasekolah	235
dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS	
Rajah 4.3: Pengaplikasian Drama Kreatif oleh guru prasekolah dalam pengajaran	245
dan pembelajaran PEERS	
Rajah 4.4: Cadangan kaedah pengajaran PEERS oleh guru prasekolah	249
Rajah 4.5: Kanak-kanak prasekolah melakukan pantomim mensyampu rambut	266
Rajah 4.6: Kanak-kanak prasekolah melihat lakaran tubuh lelaki	270
yang mempamerkan zakar semasa bermain <i>In and Out!</i>	
Rajah 4.7: Lakaran zakar dan punggung	271
Rajah 4.8: Lakaran payudara dan faraj	271
Rajah 4.9: Arah pergerakan kanak-kanak dan pembentukan ruang	272
Rajah 4.10: Plot kotak bagi pemboleh ubah skor ujian pra	285
Rajah 4.11: Plot kotak bagi pemboleh ubah skor ujian pasca	285
Rajah 4.12: Plot kotak bagi pemboleh ubah skor ujian pasca lanjutan	285
Rajah 5.1: Kanak-kanak prasekolah mengangkat lakaran payudara	389
dan menunjukkannya kepada guru	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Kriteria pengajaran menggunakan drama	7
Jadual 1.2: Sukatan pelajaran Pendidikan Kesihatan KBSR dan KBSM.....	10
Jadual 1.3: Kurikulum standard Pendidikan Jasmani dan Kesihatan mengikut tahun	12
Jadual 1.4: Subunit Pendidikan Kesihatan Tahun 1 dan Tahun 2	13
Jadual 1.5: Unit-unit tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika	14
Jadual 1.6: Kes pencabulan seksual terkini tahun 2019 dan 2020 di Malaysia	22
berdasarkan artikel akhbar tempatan dan berita semasa	
Jadual 1.7: Bilangan kes pencabulan seksual kanak-kanak berdasarkan tahun.....	34
dan jenis aplikasi media sosial sebagai modus operandi pelaku	
Jadual 1.8: Ringkasan pernyataan masalah	39
Jadual 1.9: Standard kandungan dan standard pembelajaran Pendidikan Kesihatan	67
Reproduktif dan Sosial (PEERS) prasekolah	
Jadual 3.1: Pakar-pakar yang telah menilai Modul PEERS-DK	176
Jadual 3.2: Formula penilaian pakar	178
Jadual 3.3: Jadual kajian rintis hari pertama	183
Jadual 3.4: Jadual kajian rintis hari ke dua	183
Jadual 3.5: Reka bentuk eksperimen kuasi ujian pra-pasca dua kumpulan tidak setara ..	184
diikuti ujian pasca lanjutan	
Jadual 3.6: Matriks kajian.....	187
Jadual 3.7: Matriks temu bual	209
Jadual 3.8: Pelaksanaan kajian sebenar bermula hari pertama hingga hari ke 29.....	213
Jadual 3.9: Pelaksanaan kajian sebenar bermula hari ke 26 hingga hari ke 100.....	214
Jadual 3.10: Pelaksanaan kajian sebenar bermula hari ke 101 hingga hari ke 120.....	214
Jadual 4.1: Nilai kesahan sesi dan aktiviti modul berdasarkan penilaian pakar	250
Jadual 4.2: Penilaian kesahan modul berdasarkan adaptasi pernyataan Russel (1974) ..	252
Jadual 4.3: Komen panel pakar terhadap Modul PEERS-DK mengikut sesi	253
Jadual 4.4: Kesahan instrumen protokol temu bual semi struktur	254
fasa analisis keperluan berdasarkan penilaian pakar	
Jadual 4.5: Komen panel pakar terhadap protokol temu bual fasa analisis keperluan	255
Jadual 4.6: Julat kebolegunaan instrumen kajian	257
Jadual 4.7: Ringkasan analisis kebolehpercayaan Modul PEERS-DK	258
Jadual 4.8: Modul PEERS-DK.....	261

Jadual 4.9: Lagu asal dan lagu baru	267
Jadual 4.10: Pembinaan lirik baru berdasarkan pengiraan suku kata lirik asal.....	268
Jadual 4.11: Modifikasi lirik lagu dalam nyanyian aksi	269
Jadual 4.12: Taburan kekerapan.....	281
Jadual 4.13: Ujian Shapiro-Wilk W kategori kumpulan	287
Jadual 4.14: Ujian Shapiro-Wilk W kategori jantina	288
Jadual 4.15: Ujian Shapiro-Wilk W kategori umur	289
Jadual 4.16: Rumusan ujian statistik yang sesuai digunakan.....	290
berdasarkan tiga kategori pemboleh ubah tidak bersandar	
Jadual 4.17: Statistik kumpulan berdasarkan min skor ke tiga-tiga ujian	291
Jadual 4.18: Ujian Levene (i).....	292
Jadual 4.19: Analisis ujian-T sampel tidak bersandar bagi min skor ujian pra.....	293
antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan	
Jadual 4.20: <i>Rank</i> min skor ujian pasca berdasarkan kategori kumpulan	294
Jadual 4.21: Ujian U Mann-Whitney (i).....	294
Jadual 4.22: <i>Rank</i> min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan.....	295
berdasarkan kategori kumpulan	
Jadual 4.23: Ujian U Mann-Whitney (ii).....	296
Jadual 4.24: Ujian Levene (ii).....	297
Jadual 4.25: Analisis ujian-T sampel tidak bersandar berdasarkan kategori jantina	297
Jadual 4.26: <i>Rank</i> min skor ujian pasca berdasarkan kategori jantina.....	298
Jadual 4.27: Ujian U Mann-Whitney (iii).....	299
Jadual 4.28: <i>Rank</i> min ujian pasca dan pasca lanjutan berdasarkan kategori jantina	299
Jadual 4.29: Ujian U Mann-Whitney (iv).....	300
Jadual 4.30: Ujian Levene (iii).....	301
Jadual 4.31: Analisis ujian-T sampel tidak bersandar berdasarkan kategori umur	301
Jadual 4.32: <i>Rank</i> min skor ujian pasca berdasarkan kategori umur	302
Jadual 4.33: Ujian U Mann-Whitney (v).....	303
Jadual 4.34: <i>Rank</i> min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan.....	303
berdasarkan kategori umur	
Jadual 4.35: Ujian U Mann-Whitney (vi).....	304
Jadual 4.36: Rumusan pengujian hipotesis.....	305
Jadual 4.37: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan eksperimen (Vignet 1).....	306
Jadual 4.38: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan eksperimen (Vignet 2)	313
Jadual 4.39: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan eksperimen (Vignet 3)	320
Jadual 4.40: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan eksperimen (Vignet 4).....	327

Jadual 4.41: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan kawalan (Vignet 1).....	334
Jadual 4.42: Respons kanak-kanak kumpulan kawalan (Vignet 2).....	339
Jadual 4.43: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan kawalan (Vignet 3).....	345
Jadual 4.44: Respons kanak-kanak prasekolah kumpulan kawalan (Vignet 4).....	350
Jadual 4.45: Transkripsi pemerhatian	371



SENARAI SINGKATAN

AMP	: <i>Arts-Based, Multiple Intervention, Peer-Education</i>
BPPDP	: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
DDR	: <i>Design and Development Research</i>
DSKP	: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
HIV	: <i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IQR	: <i>Interquartile Range</i>
KBAT	: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	: Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSPK	: Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	: Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	: Kurikulum Standard Sekolah Menengah
NCDRC	: Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara
OECD	: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OSCC	: <i>One Stop Crisis Centre</i>
PdPC	: Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PEERS	: Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial
PEERS-DK	: Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial menerusi Drama Kreatif
PPK	: Pusat Perkembangan Kurikulum
PJPK	: Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
RMKe-10	: Rancangan Malaysia Ke-10
RMKe-11	: Rancangan Malaysia Ke-11





SPSS	: <i>Statistical Packages for the Social Science</i>
TdSA	: Terjemahan dari Sumber Asal
TLZ	: <i>True Love Zone</i>
TOT	: <i>Training of Trainer</i>
TSkSA	: Terjemahan Semula ke Sumber Asal
UNESCO	: <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
WHO	: <i>World Health Organization</i>





BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) 2016-2020 yang mendukung aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menggariskan enam hala tuju dalam transformasi sistem pendidikan bagi memastikan pendidikan di Malaysia bertaraf global dan antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Salah satu daripadanya adalah memperbaiki keputusan murid untuk pendidikan asas di mana mutu ditingkatkan dalam aspek pengasuhan dan kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Selain murid, kelompok lain yang terlibat secara langsung dalam proses transformasi sistem pendidikan Malaysia adalah guru, pemimpin sekolah, pegawai kementerian pendidikan dan ibu bapa sepertimana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bermula tahun 2021, dunia pendidikan di Malaysia bakal berdepan dengan gelombang ke tiga transformasi pendidikan negara iaitu ‘menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi’. Justeru, kementerian Pendidikan telah bertindak pantas dengan melaksanakan kajian terhadap sistem pendidikan negara secara total dengan mendapatkan khidmat pakar dan agensi antarabangsa daripada pelbagai bidang seperti Bank Dunia, universiti-universiti tempatan, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) serta Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bertujuan menilai dan menaksir prestasi sistem pendidikan Malaysia sebagai pendekatan membina semula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang lebih komprehensif dengan 11 anjakan dalam tiga gelombang bermula di peringkat prasekolah sehingga menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Bukan itu sahaja, malah pelbagai langkah drastik dirangka termasuklah memperluas fungsi Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) dalam aspek pelaksanaan kajian-kajian berimpak tinggi,





penyediaan latihan, pengintegrasian data kanak-kanak serta pengasahan bakat kanak-kanak pintar (Unit Perancang Ekonomi, 2017). Di samping itu, Yayasan PERMATA Malaysia turut giat menyumbang tenaga dengan menyediakan platform pendidikan terbaik menerusi kurikulum PERMATA Negara bertujuan membantu perkembangan menyeluruh kanak-kanak dan terbaru, dua projek sedang diimplementasi iaitu Kurnia PERMATA dan Hospital Kanak-kanak PERMATA (Bahagian PERMATA, 2017).

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) menerusi salah satu sasaran keberhasilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang berhasrat mencapai enrolmen penuh di peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas tanpa mengira bangsa, budaya mahupun agama untuk jangka masa 10 tahun dari sekarang telah membuka jalan kepada ramai kanak-kanak terutamanya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah untuk turut sama memperoleh peluang pendidikan. Dalam hal ini, pendaftaran kanak-kanak di taska kerajaan atau swasta didapati bertambah sebanyak 18.3% antara tahun 2010 sehingga tahun 2014 hasil peruntukan kewangan sebanyak 16% daripada perbelanjaan negara yang disalurkan oleh kerajaan kepada pihak Kementerian Pendidikan secara tekal setiap tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Justeru, RMKe-10 yang berjaya menambah kebolehcapaian pendidikan dan meningkatkan kadar enrolmen kanak-kanak prasekolah dilihat sebagai strategi penting yang perlu diteruskan dalam RMKe-11. Hal ini bertujuan membekalkan pewaris cilik masa depan negara dengan pengetahuan dan kemahiran dalam segenap aspek kehidupan sebelum mereka memulakan alam persekolahan di peringkat sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Oleh hal yang demikian, pendedahan terhadap literasi kesihatan dalam kalangan anak-anak kecil ini merupakan salah satu langkah proaktif untuk membantu mereka bersiap sedia mengharungi arus globalisasi dan sosialisasi alaf 21 yang sangat mencabar. Dengan





kata lain, usaha ini wajar digembleng bagi memperkasa golongan berkenaan untuk jangka masa panjang. Lantaran itu, kemahiran pedagogi dalam kalangan guru-guru amat diperlukan bagi memastikan fakta, maklumat, istilah dan isu berkaitan seksualiti disampaikan secara telus kepada kanak-kanak prasekolah selari dengan garis panduan Pendidikan Kesihatan Seksualiti efektif sebagaimana yang telah disarankan oleh UNESCO (Gordon, 2010) iaitu maklumat mestilah dipindahkan dengan tepat secara saintifik mengikut kesesuaian umur dan budaya kanak-kanak itu sendiri agar mereka berupaya mengeksplorasi sikap dan nilai selain turut mengamalkan kemahiran yang diperlukan bagi membuat keputusan berhubung aspek-aspek kesihatan seksualiti dalam kehidupan. Sehubungan itu, saranan UNESCO dilihat berupaya direalisasikan menerusi Drama dalam Pendidikan atau turut dikenali sebagai Teater Pendidikan (Tapio, 2016) iaitu suatu bidang yang dipelopori oleh Gavin Bolton, Dorothy Heathcote dan O'toole (Nicholson, 2009) bertujuan melibatkan kanak-kanak dalam pembelajaran yang menjurus kepada hal-hal sensitif berkaitan peribadi, sosial serta pendidikan kesihatan (Joronen, Rankin & Astedt-Kurki, 2008). Oleh itu, kombinasi strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid, pendekatan bertema serta pembelajaran kontekstual melalui drama boleh diaplikasikan bagi merealisasikan misi tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Hal ini kerana drama bukan sahaja merupakan medium yang berkesan untuk meneroka idea, perasaan dan nilai dalam diri kanak-kanak, malah ia turut berfungsi sebagai agen perubahan sosial (Nicholson, 2009).

Dalam konteks yang lebih global seperti di Australia Barat misalnya, seni persembahan telah menjadi keperluan dalam kurikulum prasekolah di mana drama ditekankan dengan memperkenalkan elemen suara dan gerak kepada kanak-kanak (Kerajaan Australia Barat, 2014). Selain itu, penggunaan drama sebagai kaedah pengajaran turut dititikberatkan dalam sistem pendidikan di negara berkenaan di mana satu garis panduan mengenai cara pengaplikasian drama dalam pengajaran untuk guru-guru telah dihasilkan sepertimana





yang dipaparkan dalam Rajah 1.1. Berdasarkan rajah tersebut, peringkat pertama adalah guru-guru mestilah menetapkan objektif pengajaran drama terlebih dahulu bagi memastikan sesi pembelajaran terarah dan berfokus.

Seterusnya, persediaan drama perlu dilakukan dengan teliti sebelum memulakan sesi pengajaran. Bagi tujuan tersebut, guru-guru boleh mendapatkan sumber idea untuk mencipta aktiviti drama dengan cara meneroka realiti kehidupan kanak-kanak itu sendiri iaitu apa yang ditempuhi, dirasakan dan dilakukan oleh kanak-kanak dalam rutin harian mereka. Hal ini dilakukan bagi menjadikan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru kelak mampu diikuti oleh kanak-kanak memandangkan golongan berkenaan hanya boleh melakonkan sesuatu aksi yang disuruh sekiranya mereka sendiri pernah melihat atau melalui situasi tersebut. Dengan kata lain, pengalaman sedia ada yang telah diperolehi oleh kanak-kanak merupakan rangsangan terbaik bagi mendapatkan respons mereka semasa sesi latihan drama (*Rehearsal*). Di samping itu, guru-guru juga haruslah mahir dengan penggunaan teknik dan material baru yang bakal diaplikasikan dalam aktiviti drama. Justeru, guru-guru digalakkan bereksperimentasi terlebih dahulu dengan teknik dan material baru berkenaan bagi melihat bagaimana ia berupaya melancarkan sesi pengajaran dalam aspek membantu kanak-kanak memahami apa yang dipelajari dan memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada mereka. Dengan itu, jelaslah bahawa persediaan drama yang terancang merupakan sebahagian daripada strategi efektif yang membantu guru mencapai objektif pengajaran dengan sempurna.

Peringkat berikutnya adalah menjalankan proses membina kemahiran drama dengan cara memilih aktiviti-aktiviti drama yang bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak. Guru-guru boleh menggunakan aktiviti drama secara eksklusif atau mengkombinasikannya dengan aktiviti drama yang lain. Pada peringkat ini, kanak-kanak akan mula berlatih dan terlibat secara aktif dengan perancangan drama yang telah disediakan oleh guru.






Semasa sesi latihan drama berlangsung, guru perlu merangsang kognitif kanak-kanak dengan mengajukan soalan-soalan berkaitan pembelajaran. Sepanjang sesi latihan juga, guru mestilah berkongsi idea, membimbing dan memantau perkembangan kanak-kanak. Sokongan guru yang berterusan pada peringkat ‘genting’ ini secara tidak langsung akan menimbulkan keterujaan kanak-kanak untuk belajar, membantu kanak-kanak memberikan tumpuan kepada bahagian yang lemah dan memfokuskan kepada aspek yang lebih penting.

Peringkat terakhir iaitu persembahan boleh menjadi platform keemasan kepada kanak-kanak untuk mempamerkan bakat, berkolaborasi, berempati dan bertanggungjawab dengan persembahan masing-masing sebagaimana yang diuraikan oleh Joronen, Rankin dan Astedt-Kurki (2008) menerusi kajian mereka yang mendapati bahawa drama merupakan ruang untuk mencipta dan mengembangkan potensi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kemahiran lakonan bukanlah faktor utama yang dititikberatkan. Sebaliknya, peningkatan pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak terhadap perkara yang dipelajari merupakan dua aspek yang lebih ditekankan. Hal ini bererti proses pembinaan lakonan yang memerlukan kanak-kanak menjalani latihan drama berupaya membantu mereka mendalami intipati pembelajaran dengan lebih baik kerana kanak-kanak sebenarnya berpeluang belajar menerusi pengalaman (Tapio, 2016). Selain itu, kelebihan dan kebaikan melakukan latihan drama turut diakui oleh Joronen, Rankin dan Astedt-Kurki (2008) yang menyatakan bahawa latihan drama yang dilalui oleh kanak-kanak sebenarnya mampu menjadikan mereka lebih bersedia untuk menjalani kehidupan realiti di mana proses pembelajaran berlaku tatkala mereka berlakon, menonton lakonan rakan-rakan mahupun menerima komen dan kritikan setelah lakonan selesai. Justeru, refleksi haruslah dilakukan sepanjang fasa pembelajaran berlangsung iaitu daripada peringkat persediaan sehinggalah peringkat kemuncak iaitu persembahan.





Rajah 1.1: Cara pelaksanaan kaedah pengajaran drama (Kerajaan Australia Barat, 2014)





Selain penghasilan garis panduan mengenai langkah pengajaran drama, Kerajaan Australia Barat (2014) turut menetapkan bahawa guru-guru mestilah mewujudkan pengalaman pembelajaran yang memenuhi beberapa kriteria apabila drama digunakan sebagai medium pengajaran. Kriteria-kriteria terbabit disenaraikan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Kriteria pengajaran menggunakan drama

Kriteria Drama sebagai Kaedah Pengajaran	
1.	Menggunakan semua deria, emosi, kognitif dan fizikal bagi menjadikan pembelajaran sebagai pengalaman bermakna kepada kanak-kanak.
2.	Membina kemahiran yang pelbagai dalam kalangan kanak-kanak menerusitunjuk cara, bimbingan, praktis dan refleksi.
3.	Merangsang kanak-kanak melaksanakan tugas individu dan berkumpulan secara fleksibel bagi menampung keperluan mereka.
4.	Menggalakkan kanak-kanak mengambil risiko dan menjana idea.
5.	Memupuk penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti projek dengan persekitaran pembelajaran yang dinamik.
6.	Menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk memperoleh pengalamandrama secara langsung.
7.	Mengeksplorasi contoh-contoh drama daripada pelbagai negara bagi membentuk estetika dan apresiasi budaya dalam kalangan kanak-kanak.

Sumber: Kerajaan Australia Barat (2014)

Justeru, menerusi kajian ini, aktiviti-aktiviti drama yang telah banyak dimanfaatkan dalam pelbagai bidang (Muszyńska, Urpí & Gałazka, 2017) dan tahap pendidikan iaitu daripada prasekolah sehinggalah pengajian di peringkat universiti (Özek, 2016) telah dirangkum, dipilih dan dimodifikasi menjadi sebuah modul keselamatan seksualiti khusus untuk kanak-kanak prasekolah memandangkan pembelajaran bermodul sememangnya berfungsi sebagai pelengkap kepada kurikulum secara keseluruhan serta mampu membantu guru-guru menyampaikan input dengan jelas, menarik dan tersusun (Muhammad Asri, 2016). Hal ini tentunya akan meningkatkan pemahaman kanak-kanak prasekolah terhadap PEERS dengan lebih baik kerana pengajaran dapat difahami





dengan mudah (Yahya, 2012). Bukan itu sahaja, malah pembelajaran menerusi drama juga membolehkan kanak-kanak prasekolah memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk membina keyakinan, kreativiti, berempati, bereksplorasi, berupaya menggambarkan pengalaman manusia dan berani mengambil risiko (Kerajaan Australia Barat, 2014).

Ringkasnya, diharapkan agar Modul PEERS-DK ini dapat membantu guru-guru memperkukuh pedagogi dan meningkatkan kualiti pengajaran PEERS pada masa akan datang sekali gus memastikan kanak-kanak prasekolah lebih bersedia menghadapi realiti fenomena sosial masa kini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) yang terkandung dalam kurikulum pendidikan di Malaysia pada masa kini merupakan mata pelajaran wajib untuk kanak-kanak prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Saban tahun, penambahbaikan dilakukan bagi memastikan sukatan pelajaran diperbaharui, terkini, holistik, relevan dan sentiasa menepati keperluan murid mengikut tahap kognitif seiring peredaran masa yang menuntut mereka untuk lebih peka, lebih tahu dan lebih bijak. Dalam hal ini, kesihatan seksual bukanlah bererti sekadar bebas daripada penyakit kelamin berjangkit, sebaliknya Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) menggariskan tiga elemen berikut yang perlu wujud bagi mencapai kesihatan seksual optimum iaitu: (a) keupayaan menikmati dan mengekspresikan seksualiti tanpa rasa bersalah atau malu apabila menjalin perhubungan, (b) keupayaan untuk mengawal kesuburan, dan (c) bebas daripada penyakit yang boleh mengancam fungsi organ reproduktif (Wilton, 2000). Justeru, penglibatan penuh institusi pendidikan, perubatan, badan kebajikan, perundangan dan kesihatan amat diperlukan dalam membina kefahaman masyarakat berkenaan tingkah laku seksual yang sihat dan implementasi khusus yang diperlukan.





1.2.1 Sejarah Perkembangan PEERS di Malaysia

Sistem pendidikan di Malaysia telah menjalani beberapa fasa perubahan yang panjang melibatkan penambahbaikan dan pembangunan bermula era penjajahan British pada 1957 sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Justeru, evolusi pendidikan yang mewarnai perkembangan kurikulum kebangsaan di Malaysia telah membawa transformasi kepada kandungan, pedagogi dan pentaksiran bagi keseluruhan mata pelajaran amnya dan PEERS khususnya. Bermula dengan penubuhan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 1973, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kemudiannya dilaksanakan sebagai percubaan di 302 buah sekolah rendah dengan implementasi secara menyeluruh telah direalisasikan di semua sekolah rendah pada tahun 1983. Pelaksanaan KBSR untuk semua mata pelajaran dicapai sepenuhnya lima tahun kemudian dan pada tahun yang sama, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dimulakan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Penerapan KBSM untuk mata pelajaran lain pada tahun 1989 telah menggabungkan Pendidikan Jasmani dengan Pendidikan Kesihatan lantas menghasilkan mata pelajaran teras iaitu Pendidikan Jasmani Kesihatan dengan pendedahan terhadap elemen PEERS dalam kandungan silibusnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Mata pelajaran yang mengkhusus kepada PEERS kemudiannya diperkenalkan menerusi Pendidikan Kesihatan Keluarga dengan lima modul utama iaitu Fizikal, Sosial, Gender, Penyakit Jangkitan Seks dan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV/AIDS) di mana pengajaran dilaksanakan secara merentas kurikulum beberapa mata pelajaran sedia ada seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Sains Tambahan dan Biologi (Hazlina, 2016). Dalam hal ini, para guru diberi kebebasan memilih mana-mana modul yang bersesuaian untuk dihubungkan





dan disampaikan bersama mata pelajaran di bawah seliaan masing-masing. Di peringkat sekolah rendah, Pendidikan Kesihatan mula diperkenalkan sekitar tahun 1994 dengan hanya diselitkan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Bernama, 2010). Menjelang 1999, Pendidikan Kesihatan Seksualiti dalam KBSR dan KBSM diseragamkan bagi ke dua-dua peringkat persekolahan iaitu rendah dan menengah menerusi mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang berdiri sendiri sebagai mata pelajaran tunggal dengan hasil pembelajaran diukur berdasarkan tiga aras taksonomi Bloom berteraskan tiga tunjang utama pembelajaran berserta sub-sub tunjang seperti yang tertera dalam Jadual 1.2.

Nama mata pelajaran Pendidikan Kesihatan kemudiannya ditukar kepada Pendidikan Seksualiti pada tahun 2003 dan dirombak semula dua tahun kemudian dengan kembali semula kepada nama Pendidikan Kesihatan di mana elemen pendidikan berorientasikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial diterapkan serta diguna pakai sehingga tahun 2009 (Khairul Amri, 2017).

Jadual 1.2: Sukatan pelajaran Pendidikan Kesihatan KBSR dan KBSM

Tunjang		Sub Tunjang
1.	Kesihatan Diri dan Keluarga	• Kesihatan Diri • Perasaan • Kekeluargaan
2.	Gaya Hidup Sihat dan Selamat	• Pemakanan • Pengurusan Konflik dan Stres • Penyalahgunaan Bahan
3.	Kebersihan dan Keselamatan Persekitaran	• Keselamatan • Penyakit Berjangkit • Pertolongan Cemas

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (1999)





Setelah beberapa tahun pengajaran subjek berkenaan disampaikan secara menumpang mata pelajaran lain, Pendidikan Kesihatan seterusnya disepadukan bersama mata pelajaran Pendidikan Jasmani sekali gus menghasilkan nama baru iaitu Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) dengan cadangan masa pengajaran diselang-seli mengikut minggu selama 42 minggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Menjelang 2011 sehingga kini, mata pelajaran tersebut diajar secara berasingan setelah pengumuman dibuat oleh Mohd Puad Zarkashi mengenai keperluan Pendidikan Kesihatan diajar secara eksklusif dan tidak lagi digabungkan dengan Pendidikan Jasmani menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di mana peruntukan waktu mengajar bagi sekolah rendah dan menengah juga adalah berbeza (Bernama, 2010). Sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015, semakan dan penjenamaan semula bagi kebanyakan mata



pelajaran termasuklah Pendidikan Kesihatan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijalankan di mana para pelajar Tingkatan 1 sesi persekolahan 2017 dijadikan perintis kepada pelaksanaan sistem baru terbabit yang memfokuskan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), menaakul, inovatif serta pemikiran kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Matlamat KSSR di peringkat sekolah rendah bagi Pendidikan Kesihatan Tahun 1 hingga Tahun 6 digubal bertujuan membekalkan murid dengan pengalaman pembelajaran secara berterusan agar mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran mengenai kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran selain menjadikan gaya hidup sihat sebagai rutin agar kehidupan yang sejahtera dapat dikecapi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bagi mencapai objektif khusus Pendidikan Kesihatan, maka tiga modul utama telah dibina dalam kurikulum



mata pelajaran tersebut bagi Tahap 1 dan Tahap 2 iaitu: (a) Kesihatan Fizikal, (b) Kesihatan Mental, Emosi dan Sosial, serta (c) Kesihatan Persekitaran. Setiap modul mempunyai beberapa sub topik yang diseragamkan mengikut perbezaan tahap kompleksiti, aras kefahaman dan tahun persekolahan kanak-kanak prasekolah. Dalam usaha memperkaya dan memantapkan Modul PEERS-DK, pengkaji turut merujuk kepada silibus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tahun 1 dan Tahun 2 semakan 2017 yang digunakan di sekolah-sekolah kebangsaan bagi sesi persekolahan 2019. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tahun 1 dan Tahun 2 mengandungi 11 unit pembelajaran di mana penekanan elemen Pendidikan Kesihatan bagi ke dua-dua tahap murid masing-masing terkandung dalam unit 'Bersih dan Selamat' serta 'Hari yang Ceria'.

Jadual 1.3: Kurikulum standard Pendidikan Jasmani dan Kesihatan mengikut tahun

Tahun 1		Tahun 2	
Unit	Kandungan	Unit	Kandungan
1.	Gerak Ceria	1.	Cabaran Ruang
2.	Gerak Gembira	2.	Mari Bersenam
3.	Tarian Pahlawan	3.	Senamrobik
4.	Tunas Gimnas	4.	Sarkas
5.	Mari Berenang	5.	Pantas Berenang
6.	Mari Bersantai	6.	Santai Ria
7.	Badan Cergas Otak Cerdas	7.	Semangat Membara
8.	Cergas dan Mantap	8.	Larian Cergas
9.	Bersih dan Selamat	9.	Hari yang Ceria
10.	Berkhasiat dan Selamat	10.	Bahaya Menanti
11.	Bantuan Kecemasan	11.	Awat, Berhati-hati

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)



Apa yang pasti, kandungan pembelajaran PEERS sejak sekian lamanya sehingga kini menjurus kepada pengetahuan, kemahiran, amalan gaya hidup sihat dan sikap yang positif seperti mengamalkan kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Bukan itu sahaja, malah kanak-kanak prasekolah turut memperoleh nilai tambah menerusi bimbingan untuk membuat keputusan konstruktif jika berhadapan dengan situasi berisiko, mengenali masyarakat di sekeliling, memahami pemikiran dan perlakuan orang lain serta bijak meramal tindakan yang wajar dalam situasi mencemaskan. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa pembelajaran yang dilalui tidak sekadar terhenti dalam kelas semata-mata, sebaliknya amat praktikal untuk diamalkan dalam rutin harian kanak-kanak prasekolah kerana ia dirumus dengan mengambil kira aspek psiko-sosial, sosiobudaya, kerohanian, biologikal dan perkara-perkara asas lain yang saling mempengaruhi serta berkait dengan isu seksualiti (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013; Khairul Amri, 2017).

Jadual 1.4: Subunit Pendidikan Kesihatan Tahun 1 dan Tahun 2

Tahun	Unit	Tajuk Unit	Tajuk Subunit
1	9	Bersih dan Selamat	• Oh, Tubuhku! • Jangan Sentuh • Selamat atau Tidak? • Awasi Diri • Boleh Bertindak
2	9	Hari yang Ceria	• Jaga Diri • Pastikan Selamat • Pentingkan Keselamatan • Kamu Bijak

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Bagi kanak-kanak prasekolah pula, terdapat enam tunjang yang menjadi domain utama silibus keseluruhan pembelajaran berdasarkan kerangka Dokumen





Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) iaitu: (a) Komunikasi, (b) Kerohanian, Sikap dan Nilai, (c) Kemanusiaan, (d) Keterampilan Diri, (e) Perkembangan Fizikal dan Estetika, serta (f) Sains dan Teknologi. Salah satu daripada enam tunjang terbabit iaitu Perkembangan Fizikal dan Estetika menerusi unit FK 5.0 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) memfokuskan kepada standard pembelajaran dengan unit-unit pembelajaran seperti yang tertera dalam Jadual 1.5. Oleh hal yang demikian, menerusi kajian ini, pengkaji tekad memilih drama kreatif sebagai medium utama untuk menyampaikan PEERS kepada kanak-kanak prasekolah memandangkan ia sememangnya sangat sesuai digunakan untuk membangunkan kaedah pengajaran bagi apa jua jenis mata pelajaran (Tapio, 2016). Bukan itu sahaja, malah drama kreatif yang turut mampu mengaktifkan seluruh deria kanak-kanak prasekolah telah meningkatkan kefungsiannya dengan baik dalam dua keadaan iaitu sebagai: (a) bahan pembelajaran, dan (b) alat penyampai atau disebut juga sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran (Suppiah, 2018; Metinnam, Keleşoğlu & Özen, 2014).

Jadual 1.5: Unit-unit tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika

Unit	Perkembangan Fizikal dan Estetika
FK 1.0	Perkembangan Motor Halus
FK 2.0	Perkembangan Motor Kasar
FK 3.0	Kemahiran Manipulasi
FK 4.0	Pergerakan Berirama
FK 5.0	Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)
FK 6.0	Pemakanan

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2016)





Pandangan tersebut dipersetujui oleh Tapio (2016) yang menyifatkan kepentingan drama dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah sesungguhnya tidak dapat disangkal di mana pengaplikasian drama secara meluas didapati telah mengasah pelbagai kemahiran, keupayaan dan potensi kanak-kanak prasekolah. Antaranya termasuklah kanak-kanak prasekolah mampu mengekspresikan perasaan, meningkatkan kesedaran sosial, menajamkan daya imaginasi, menghasilkan idea-idea baru, melontarkan buah fikiran, bekerjasama dan berdikari. Bukan itu sahaja, malah drama yang begitu sinonim dengan kaedah interaktif juga amat praktikal dijadikan intervensi yang boleh memberi impak positif terhadap sikap dan tingkah laku kanak-kanak prasekolah. Justeru, Pendidikan Kesihatan yang rancak diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah difikirkan amat perlu untuk turut diserapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah menerusi kaedah pengajaran yang lebih berkesan supaya anak-anak kecil ini juga berpeluang memperoleh pengalaman pembelajaran yang bermakna.

1.3 Pernyataan Masalah

Penderaan seksual kanak-kanak telah pun bertakuk merentas budaya dalam segenap institusi sosial di peringkat global dan menjadi barah yang kian menular dalam kalangan masyarakat Malaysia (Ramabu, 2020; Zhang, Chen & Liu, 2015). Selain menggugat keselamatan dan kehormatan kanak-kanak, ia turut memberi ancaman besar kepada generasi muda pelapis negara (Mohd Salleh, 2017). Nisbah mangsa mengikut jantina iaitu 1:10 bagi kanak-kanak lelaki dan 1:5 bagi kanak-kanak perempuan menunjukkan betapa isu ini bukanlah gejala baru yang muncul secara tiba-tiba, sebaliknya ia telah lama bernanah dan semakin parah (Ananthalakshmi, 2016). Buktinya, sebanyak 7,862 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan bagi tahun 2014 sehingga 2016 dengan





jumlah peratusan tertinggi direkodkan menerusi jenayah rogol iaitu 81%, diikuti perlakuan luar tabii 67% dan sumbang mahram 54% (Saroja, 2017). 2,089 kes rogol yang dilaporkan di Johor telah membuktikan bahawa jenayah seksual kanak-kanak adalah sangat kritikal di negeri tersebut. Sabah pula direkodkan sebagai negeri ke dua tertinggi kadar jenayah seksual selepas Johor dengan mencatatkan 263 kes sumbang mahram diikuti Selangor dengan jumlah 235 kes seks luar tabii (Nazura, Hazwan & Fahmy, 2017). Terkini, Polis Diraja Malaysia (Astro Awani, Siaran Langsung dari Parlimen, 2020) mendedahkan bahawa statistik kes pencabulan seksual kanak-kanak yang direkodkan dari Januari 2020 sehingga Jun 2020 mencecah angka 1,721 kes di mana jenayah rogol memonopoli jumlah tertinggi iaitu sebanyak 651 kes, diikuti cabul (344 kes), sumbang mahram (106 kes), seks luar tabii (106 kes) dan selebihnya iaitu lain-lain kes di bawah Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) mencatatkan 514 kes.



Akan tetapi, memandangkan pencabulan seksual terhadap kanak-kanak kebanyakannya berlaku secara rahsia, maka angka yang menggerunkan ini hanya direkodkan berdasarkan laporan yang diterima di mana jumlah berkenaan tidak termasuk kes-kes yang ditarik semula dan kes-kes yang tidak dilaporkan sehingga menyukarkan pihak polis menjalankan siasatan (Bernama, 2016; Bowman, 2016). Dalam hal ini, isu-isu seperti kelewatan membuat laporan, jangka masa serangan seksual yang telah lama berlaku dan ketiadaan saksi akan mengakibatkan kurangnya keterangan sokongan sekali gus menyebabkan penyiasatan menjadi lemah kerana pertuduhan lanjut gagal dibuat terhadap pelaku (Saroja, 2017). Halvorsen, Solberg dan Stige (2020) mendedahkan bahawa seramai 30% mangsa enggan memberitahu sesiapa manakala 60% hingga 70% mangsa biasanya menyembunyikan kejadian pencabulan sehingga mereka dewasa di mana secara purata mereka akan merahsiakannya selama 17 tahun hingga 21 tahun memandangkan tindakan membongkar perkara sebenar akan menimbulkan konflik





peribadi dan isu perhubungan dengan pelaku terutamanya jika pelaku merupakan penjaga utama dan ahli keluarga mangsa. Kanak-kanak lelaki didapati mengambil jangka masa lebih lama berbanding kanak-kanak perempuan untuk mendedahkan kejadian pencabulan seksual kerana bagi mereka, perkara tersebut akan mengundang ketakutan luar biasa, rasa bersalah yang ekstrem dan membuka aib keluarga secara keterlaluan. Ketakutan mendedahkan aib tersebut berpunca akibat kerisauan: (a) dibunuh oleh pelaku, (b) tidak dipercayai oleh orang-orang sekeliling, (c) diragui pelaku berhubung 'kesetiaan' mangsa terhadapnya, (d) stigma masyarakat, dan (e) pelaku membunuh dirinya sendiri (Halvorsen, Solberg & Stige, 2020). Faktor lain yang dikenal pasti adalah mangsa tidak mengelaskan pengalaman yang ditempuh sebagai pencabulan kerana mereka tidak mengetahui bahawa perlakuan sumbang ke atas mereka adalah salah di sisi undang-undang sekali gus menyebabkan mereka sukar menceritakan semula mahupun memberitahu individu lain secara verbal (Farah, 2019). Bukan itu sahaja, malah kebergantungan kepada pelaku juga menyebabkan mangsa tidak mahu menuding jari kepada pelaku sebaliknya menyalahkan diri sendiri sekali gus memudahkan pelaku mengeksploitasi mangsa sehingga menjadi punca pembongkaran kes pencabulan tertangguh (Muhammad Afham, 2020). Di Hospital Serdang, kanak-kanak yang disyaki menjadi mangsa penderaan seksual akan dibawa ke Pusat Krisis Bersepadu atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dan dirujuk kepada Kumpulan SCAN (Vinitha, Rohaizah & Faiza Syuhada, 2020).

Peningkatan isu pencabulan seksual kanak-kanak dilihat begitu ketara di Kemboja walaupun laporan mengenai kes tersebut di negara terbabit didapati lebih rendah berbanding statistik bagi kes yang serupa di Amerika Syarikat walhal sistem perlindungan kanak-kanak kebangsaan di Kemboja adalah sangat minimum. Justeru, tidak hairanlah terdapat kes yang dirahsiakan bertahun-tahun lamanya sebelum berjaya dihidu oleh pihak berkuasa. Berhubung situasi itu, McElvaney (2016) dan Halvorsen (2020) mengulas





bahawa adalah lebih baik jika golongan dewasa membantu kanak-kanak mendedahkan kes pencabulan dengan lebih awal agar kecelakaan tersebut tidak berlarutan memandangkan kecenderungan untuk berulangnya kes yang sama daripada pelaku yang sama terhadap mangsa adalah tinggi selagi pencabulan tidak terbongkar.

Dalam hal ini, kajian yang dilaksanakan oleh Ayling, Walsh dan Williams (2020) yang memfokuskan kepada praktik pembuktian merentas pelbagai bidang ilmu bagi menghasilkan sorotan literatur sistematik sebagai metodologi utama kajian telah mensintesis bukti empirikal mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang individu dewasa terutamanya para pendidik, pengasuh dan pengamal bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa apabila terjadinya kes pencabulan seksual terhadap kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Antara faktor-faktor itu termasuklah: (a) pengetahuan dan latihan, (b) sikap, (c) pembuktian, dan (d) pengalaman bekerja.



Bagi faktor pertama, didapati bahawa $\frac{1}{3}$ guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang menjadi peserta kajian memiliki tahap pengetahuan yang sangat cetek mengenai indikator kanak-kanak mangsa cabul selain latihan yang diterima oleh para guru juga tidak mencukupi. Dalam beberapa penulisan lain yang disoroti, data menunjukkan bahawa guru prasekolah di Estonia, Israel, Jordan, Sweden, Taiwan dan Turkey mengakui sememangnya peranan mereka sebagai pelapor kes adalah sangat lemah. Hal ini disandarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa di Turki, hanya 11% daripada $\frac{1}{4}$ 197 guru prasekolah yang menyertai kajian didapati pernah mengikuti latihan prevensi penderaan kanak-kanak dan cuma 2% guru telah mengikuti latihan khusus berkenaan pencabulan seksual kanak-kanak. Seramai $\frac{1}{3}$ guru daripada keseluruhan sampel pula telah menemui indikator-indikator pengabaian kanak-kanak yang ketara di tempat kerja mereka semasa mengikuti latihan itu. Dalam kajian seumpamanya,





meskipun program latihan disediakan, namun ia dianggap masih belum memadai memandangkan di Amerika Syarikat, guru prasekolah (N¼ 141) bukan sekadar tidak dapat menghuraikan kesalahan seksual kanak-kanak berdasarkan aspek perundangan, malah mereka juga tidak mampu menentukan cara bertindak balas yang wajar terhadap senario penderaan dan pengabaian kanak-kanak secara realistik dek kebergantungan sepenuhnya kepada naluri masing-masing. Kajian di Florida (N¼ 137) pula menunjukkan bahawa guru-guru bukan sahaja berterusan berasa tidak bersedia dan tidak selesa untuk melaporkan kes pencabulan kanak-kanak kepada polis (20%), malah mereka juga tidak pasti tentang syarat wajib yang mesti dipenuhi untuk membuat laporan mengikut protokol undang-undang.

Selain itu, sikap mengambil peduli didapati telah mempengaruhi amalan melaporkan kes pencabulan seksual dalam kajian yang membabitkan guru dan golongan profesional.



Sikap yang bersifat multi dimensi itu turut dikonseptualkan sebagai faktor yang bertindak balas dengan emosi, kognitif dan tingkah laku individu. Hal ini dijelaskan menerusi Teori Sikap yang menekankan bahawa perangai manusia boleh berubah mengikut peredaran masa, pengalaman dan latar pendidikan. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap individu dalam melaporkan kes pencabulan kanak-kanak. Antaranya adalah kebimbangan dihukum secara fizikal, ketidakpastian mengenai status sah laporan kes yang dikemukakan oleh individu bukan berpertalian darah dengan mangsa, kerisauan jika laporan itu akan merosakkan hubungan kekeluargaan dan status profesional individu dalam keluarga tersebut serta perasaan was-was tentang keberkesanan sistem perlindungan kanak-kanak sama ada aduan yang dibuat akan mengundang kemudaratan kepada mangsa atau sebaliknya. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan sebuah kajian yang membabitkan guru-guru berpengalaman di Australia (N¼ 444), di mana sikap 47% guru daripada keseluruhan sampel telah dipecahkan kepada: (i) komitmen untuk melaporkan, (ii) keyakinan terhadap sistem perlindungan, dan (iii)





kekhuatiran terhadap akibat atau kesan daripada tindakan membuat laporan kepada pihak polis. Guru-guru didapati memiliki sikap yang positif terhadap tindakan melaporkan. Walau bagaimanapun, apabila keyakinan guru-guru terhadap sistem perlindungan menjadi rendah, maka kekhuatiran mereka terhadap kesan melaporkan dilihat meningkat sekali gus melemahkan komitmen mereka untuk berperanan sebagai pelapor.

Di Malaysia, kajian mengenai sikap guru sekolah rendah (N^¼ 653) menunjukkan bahawa guru yang lebih berpengalaman mempunyai tahap kekhuatiran yang lebih rendah berbanding guru baru dan guru yang kurang pengalaman mengajar. Dengan itu, jelaslah bahawa perkembangan dan peningkatan pengalaman guru berupaya merangsang refleksi kritikal bagi menggalakkan guru-guru lain mencabar kapasiti profesional mereka untuk ‘menekan’ pihak-pihak berwajib yang bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan pembelaan dan perlindungan kanak-kanak.



Faktor berikutnya ialah pembuktian yang dilaporkan di mana kuat atau lemahnya sesuatu bahan bukti rasmi amat bergantung kepada kecurigaan munasabah si pelapor. Di Queensland misalnya, pelapor mestilah berupaya menggambarkan dengan jelas tentang keadaan kanak-kanak yang telah menderita, sedang menderita atau berada dalam keadaan berisiko serta mudarat. Akan tetapi, keperluan pembuktian sebegini ternyata hanya melengahkan keadilan untuk mangsa dan sememangnya menyimpang daripada objektif asal penubuhan undang-undang dan akta kanak-kanak.

Faktor seterusnya iaitu pengalaman guru dilihat turut berkorelasi secara positif dengan frekuensi pelaporan kes pencabulan seksual kanak-kanak. Dalam sebuah kajian di Amerika Syarikat yang membabitkan guru Pendidikan Khas dengan pelbagai latar belakang etnik, di dapati bahawa guru yang lebih lama berkhidmat mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk melaporkan kes pencabulan seksual kanak-kanak kepada pihak berkuasa berbanding guru yang masih lagi setahun jagung dalam





perkhidmatan. Begitu juga halnya di Australia, 47% guru sekolah rendah (N¼ 470) yang baru bertugas selama lima tahun memilih untuk tidak membuat laporan jika mereka terhidu kes sedemikian. Sementara itu, guru dengan tempoh pengalaman mengajar selama enam hingga 15 tahun pula mencatatkan kadar tiga kali ganda lebih tinggi untuk membuat laporan manakala guru senior dengan tempoh pengalaman di sekolah lebih daripada 16 tahun merekodkan kadar sembilan kali lebih tinggi untuk melaporkan kes pencabulan kanak-kanak kepada pihak berkuasa. Namun begitu, hasil kajian tersebut didapati tidak selari dengan dapatan kajian di Palestin (N¼ 225) di mana guru yang mempunyai lebih lama tempoh pengalaman mengajar dilihat lebih cenderung menyembunyikan kes pencabulan seksual. Faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas boleh dikaitkan dengan bilangan kes pencabulan seksual kanak-kanak yang amat tinggi di Thailand memandangkan negara berkenaan turut dikesan sebagai lokasi penghantaran terbesar bagi bahan-bahan pornografi kanak-kanak sehinggakan kerajaan Thailand enggan mendedahkan statistik sebenar kes penderaan seksual kanak-kanak di tempat mereka (Ananthalakshmi, 2016). Keadaan tersebut jelas menunjukkan betapa kita sebagai rakyat Malaysia yang prihatin seharusnya berasa gerun dan menjadikannya sebagai iktibar agar negara berdaulat yang kita cintai ini bebas daripada pedofilia yang merosakkan tamadun bangsa serta merendahkan martabat manusia.

Hakikatnya, masyarakat hari ini bagaikan hilang pertimbangan dan kewarasan apabila darah daging sendiri dicabul dan diliwat. Keadaan yang sungguh merunsingkan ini ternyata bertambah kritikal apabila statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa 89% pelaku terdiri daripada ahli keluarga mangsa sendiri iaitu ayah kandung, ayah tiri, abang kandung dan abang tiri manakala hanya 5% pelaku terdiri daripada orang asing dan selebihnya adalah mereka yang dikenali mangsa seperti kekasih, rakan, jiran, pengasuh, guru, pengawal keselamatan, pemandu bas dan biarawan (Saroja, 2017; Ananthalakshmi, 2016; Zaain, 2016).



Jadual 1.6: Kes pencabulan seksual terkini tahun 2019 dan 2020 di Malaysia berdasarkan artikel akhbar tempatan dan berita semasa

	Tajuk Artikel Akhbar / Berita	Tarikh	Mangsa	Pelaku
1.	Penjual sate nafi 25 pertuduhan amang seksual, rogol anak saudara	27 Julai 2021	Anak saudara perempuan; 15 tahun	Bapa saudara; 39 tahun (Pembekal sate)
2.	'Ratah' anak kandung ketika PKP	12 Julai 2021	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Bapa kandung; 47 tahun (Buruh)
3.	Tukang kebun didakwa rogol dan cabul anak tiri	21 Jun 2021	Kanak-kanak perempuan; 12 tahun	Bapa tiri; 58 tahun (Tukang kebun)
4.	Rogol anak saudara: Penganggur dipenjarakan 18 tahun, 6 sebatan	27 Mei 2021	Kanak-kanak perempuan; Tujuh tahun	Bapa saudara; 39 tahun (Penganggur)
5.	Bayi sembilan bulan maut diliwat suami pengasuh	11 Mei 2021	Bayi lelaki; Sembilan bulan	Suami pengasuh; 36 tahun (Penagih dadah)
6.	Bapa tidak mengaku bersalah cabul anak berusia lima tahun	3 Mei 2021	Kanak-kanak perempuan; Lima tahun	Bapa kandung; 37 tahun (Buruh)
7.	Bapa didakwa cabul anak kandung	12 April 2021	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Bapa kandung; 43 tahun
8.	Remaja didakwa laku amang seksual terhadap kanak-kanak	24 Mac 2021	Kanak-kanak perempuan; 10 tahun	Lelaki tidak dikenali; 15 tahun
9.	Lima tukang kebun, seorang penganggur didakwa rogol, amang seksual remaja	9 Mac 2021	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Rakan baru; 19-59 tahun (Tukang kebun, penganggur)
10.	Lelaki bakal didakwa 67 pertuduhan kes rogol anak kandung, rakan mangsa	23 Februari 2021	Kanak-kanak perempuan; 14 tahun	Bapa kandung; 42 tahun (Peniaga air tebu)
11.	Lelaki rogol anak saudara ditahan	13 Februari 2021	Kanak-kanak perempuan; 14 tahun	Bapa saudara; 41 tahun



12.	Peniaga pasar malam didakwa rogol anak tiri	8 Februari 2021	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Bapa tiri; 49 tahun (Peniaga pasar malam)
13.	Datuk cabul cucu tiri dipenjara 8 tahun, 4 sebatan	21 Disember 2020	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Datuk tiri; 59 tahun (Pengawal keselamatan)
14.	Kanak-kanak dirogol selepas diumpan gula-gula	27 November 2020	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Lelaki tidak dikenali; 25 tahun
15.	Suami pengasuh cabul kanak-kanak	21 November 2020	Kanak-kanak perempuan; Sembilan tahun	Suami pengasuh; 45 tahun
16.	Polis tahan bapa liwat anak lelaki	13 November 2020	Kanak-kanak lelaki; 12 tahun	Bapa kandung; 34 tahun (Peniaga kedai runcit)
17.	Kanak-kanak 12 tahun dirogol tiga lelaki	12 November 2020	Kanak-kanak perempuan; 12 tahun	Jiran; Umur tidak dinyatakan
18.	Ahli perniagaan didakwa rogol, lakukan kesalahan seksual terhadap anak kandung	10 November 2020	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Bapa kandung; 42 tahun (Ahli perniagaan)
19.	Polis tahan lelaki rogol anak berusia 16 tahun	6 November 2020	Kanak-kanak perempuan; 16 tahun	Bapa kandung; 42 tahun (Pengusaha servis cuci pejabat)
20.	Bapa didakwa rogol anak tiri 12 tahun	28 Oktober 2020	Kanak-kanak perempuan; 12 tahun	Bapa tiri; 29 tahun
21.	Dua penyamar polis ditahan samun, raba pelajar	10 Oktober 2020	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Warga Bangladesh; 25, 44 tahun
22.	Rogol kanak-kanak, bapa saudara ditahan, abang ipar diburu	8 Oktober 2020	Kanak-kanak perempuan; 11 tahun	Bapa saudara, abang ipar; 40, 31 tahun
23.	Dipenjara 13 tahun, 6 sebatan rogol anak saudara	6 Oktober 2020	Kanak-kanak perempuan; Enam tahun	Bapa saudara; 48 tahun (Pesara tentera)
24.	Kanak-kanak lima tahun jadi mangsa seksual jiran	22 September 2020	Kanak-kanak perempuan; Lima tahun	Jiran; 18 tahun



25.	Remaja 16 tahun rogol adik kandung Tingkatan 3	20 Ogos 2020	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Abang kandung; 16 tahun
26.	Bertaubatlah pakcik	20 Julai 2020	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Lelaki tidak dikenali; 70 tahun (Nelayan)
27.	Bakal pengantin didakwa rogol adik kandung	14 Julai 2020	Kanak-kanak perempuan; 11 tahun	Abang kandung; 26 tahun
28.	Tukang kebun ditahan, ceroboh asrama perempuan	5 Julai 2020	Kanak-kanak perempuan; 17 tahun	Tukang kebun sekolah; 32 tahun
29.	Tukang kebun didakwa lakukan amang seksual terhadap budak	7 Jun 2020	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Bapa saudara; 53 tahun (Tukang kebun)
30.	Pencabul kanak-kanak dipenjarakan 5 tahun	2 Jun 2020	Kanak-kanak perempuan; Tujuh tahun	Lelaki tidak dikenali; 62 tahun
31.	Rogol anak kandung 23 kali, pemandu lori didakwa	29 April 2020	Kanak-kanak perempuan; 16 tahun	Bapa kandung; 52 tahun (Pemandu lori)
32.	Polis tahan jiran liwat kanak-kanak lelaki lebih 20 kali	20 April 2020	Kanak-kanak lelaki; Lapan tahun	Jiran; 57 tahun (Penggagur)
33.	Tak mengaku rogol, cabul adik ipar	30 Mac 2021	Kanak-kanak perempuan; 11 tahun	Abang ipar; 19 tahun (Buruh ladang)
34.	Pekerja pelantar minyak didakwa rogol anak saudara	10 Mac 2020	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Bapa saudara; 38 tahun (Pekerja pelantar minyak)
35.	Bapa cabul, liwat anak usia 3 tahun	3 Mac 2020	Kanak-kanak perempuan; Tiga tahun	Bapa; 25 tahun
36.	Bapa OKU didakwa raba, liwat anak	24 Januari 2020	Kanak-kanak perempuan; 17 tahun	Bapa kandung OKU; 43 tahun



37.	'Pak guard' didakwa 80 pertuduhan rogol anak kekasih	21 Januari 2020	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Kekasih ibu; 37 tahun
38.	Budak 8 tahun kena cabul bapa saudara pengasuh	11 Januari 2020	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Bapa saudara pengasuh; 54 tahun (Buruh)
39.	Warga emas dipenjarakan empat tahun cabul kanak-kanak	7 Januari 2020	Kanak-kanak perempuan; 12 tahun	Rakan ayah; 63 tahun
40.	Bapa lima anak didakwa amang seksual budak di tandas surau.	30 Disember 2019	Kanak-kanak perempuan; Sembilan tahun	Lelaki tidak dikenali; 31 tahun (Kelindan lori)
41.	Penganggur tidak mengaku cabul kanak-kanak	27 Disember 2019	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Lelaki tidak dikenali; 32 tahun (Penganggur)
42.	Peniaga didakwa rogol, amang seksual anak saudara	16 Disember 2019	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Bapa saudara; 23 tahun (Peniaga)
43.	Lelaki berdepan 105 pertuduhan rogol, liwat anak kandung	8 Disember 2019	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Bapa kandung; 46 tahun (Buruh)
44.	Bapa dituduh rogol anak berusia 13 tahun diarah bela diri	19 November 2019	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Bapa kandung; 39 tahun (Buruh)
45.	Pelajar IPT didakwa cabul kanak-kanak	5 November 2019	Kanak-kanak perempuan; Tujuh tahun	Pelajar IPT; 21 tahun
46.	Bapa durjana didakwa rogol, cabul dan rakam gambar bogel anak tiri	11 Oktober 2019	Kanak-kanak perempuan; 15 tahun	Bapa tiri; 36 tahun (Nelayan)
47.	Kena cekup, cabul kanak-kanak 8 tahun	10 Oktober 2019	Kanak-kanak perempuan; Lapan tahun	Rakan ibu; 30 tahun (Pencuci hotel bajet)



48.	Ketua tenaga pengajar didakwa cuba liwat, cabul pelajar	8 Oktober 2019	Kanak-kanak lelaki; 14 tahun	Ustaz; 25 tahun
49.	Cucuk mata lelaki gila seks dengan batang aiskrim	1 Oktober 2019	Kanak-kanak perempuan; 11 tahun	Lelaki tidak dikenali; Umur tidak dinyatakan (Pemandu kereta sapu)
50.	Mekanik lakukan amang seksual terhadap anak tiri	13 September 2019	Kanak-kanak perempuan; 14 tahun	Bapa tiri; 34 tahun
51.	Pelayan restoran ditahan selepas suruh budak 7 tahun sentuh kemaluan	10 Ogos 2019	Kanak-kanak lelaki; Tujuh tahun	Lelaki tidak dikenali; 23 tahun (Pelayan restoran)
52.	Kanak-kanak dicabul di pasar raya, lelaki durjana diburu polis	14 Julai 2019	Kanak-kanak perempuan; Sembilan tahun	Lelaki tidak dikenali; Umur tidak dinyatakan (Buruh)
53.	Bapa ratah anak hingga hamil	13 Julai 2019	Kanak-kanak perempuan; 16 tahun	Bapa kandung; 51 tahun
54.	Polis tahan warga emas disyaki cabul kanak-kanak	10 Julai 2019	Kanak-kanak perempuan; 12 tahun	Pemandu lori; 65 tahun
55.	Pelajar mengaku tidak bersalah rogol rakan sekolah	9 Julai 2019	Kanak-kanak perempuan; 17 tahun	Rakan sekolah; 17 tahun
56.	Padah sentuh 'anu' remaja lelaki	1 Julai 2019	Kanak-kanak lelaki; 13 tahun	Warga Myanmar; 20 tahun (Pengawal keselamatan)
57.	Remaja dirogol dalam semak tepi pantai	28 Jun 2019	Kanak-kanak perempuan; 14 tahun	Rakan; 15 tahun
58.	Warga emas ditahan disyaki cabul, rogol anak angkat	23 Mei 2019	Kanak-kanak perempuan; 17 tahun	Bapa angkat; 65 tahun
59.	Remaja mengaku rogol budak 5 tahun	23 Mei 2019	Kanak-kanak perempuan; Lima tahun	Anak pengasuh; 16 tahun



60.	Rogol anak saudara lembam, pemotong rumput dijel 30 tahun	21 Mei 2019	Kanak-kanak perempuan; 14 tahun	Bapa saudara; 41 tahun (Pemotong rumput)
61.	Si pedofilia umpan hadiah	3 Mei 2019	Kanak-kanak perempuan; 8 tahun	Rakan ibu; 59 tahun
62.	Suami pengasuh dirahan kes cabul budak	4 April 2019	Kanak-kanak perempuan; 4 tahun	Suami pengasuh; 40 tahun
63.	Dicabul pakcik sendiri	25 Mac 2019	Kanak-kanak perempuan; 13 tahun	Bapa saudara; 27 tahun (Penagih dadah)

Sumber: Diyanatul Atiqah (2021); Nor Fazlina (2021); Khairul (2021); Ruwaida (2021); Zaain (2021); Nur Fazlizai (2021); Asliza (2021); Nurul Hidayah (2021); Safeek (2020); Juwan (2020); Nor Azizah (2020); Noor Hidayah (2020); Shuhada (2020); Farah Marshita (2020); Siti Rohaizah (2020); Zatul Iffah (2020); Muhafandi (2020); Faris (2020); Muhaamad Hafis (2020); Siti Zubaidah (2020); Recqueal (2020); Tuan Buchhairah (2020); Mohamed Farid (2020); Amir (2020); Rubiah (2020); Hafizah (2020); Norizuan (2020); Siti Zubaidah (2020); Nurul Fhatihah (2019); Norzamira (2019); Zatul Iffah (2019); Rubiah (2019); Mohd Aizat (2019); Recqueal (2019); Noor Ainon (2019); Melvin (2019); Nor Farhana (2019); Farik (2019); Mohd Sabran (2019); Abnor Hamizam (2019); Mohd Hafizee (2019)





Hal ini dapat dibuktikan menerusi Jadual 1.6 di mana akhbar-akhbar tempatan dan berita-berita semasa melaporkan bahawa daripada 63 kes pencabulan seksual terkini yang dihebahkan dalam media massa, hanya 10 kes membabitkan pelaku yang tidak dikenali mangsa dengan mangsa termuda berumur sembilan bulan. Berdasarkan Akta 611 di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 yang mentakrifkan kanak-kanak sebagai individu di bawah umur 18 tahun (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006), maka ternyatalah bahawa purata umur kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia terbaru sepanjang Mac 2019 hingga Julai 2021 adalah 10 tahun.

Fox (2017) menyifatkan bahawa pedofilia yang terdiri daripada kalangan remaja berpotensi melakukan jenayah pencabulan seksual sebanyak 380 kali sepanjang hidupnya jika tidak dirawat. Menurut Gekoski, Davidson dan Horvath (2016), pencabulan seksual boleh terjadi dalam keluarga daripada semua latar sosio ekonomi, etnik dan agama di mana keluarga yang pincang sebegini dilabel sebagai keluarga tidak berfungsi, huru-hara dan terganggu. Di Jerusalem, Israel dan Montgomery County, Pennsylvania, pencabulan seksual yang dilakukan oleh abang terhadap adik kandung sendiri dinamakan sebagai pencabulan seksual adik-beradik (Tenera, Newman & Yates, 2019). Dalam budaya masyarakat Khmer di Kemboja pula, ayah kandung yang tergamak menoda anak sendiri digelar sebagai *tiracchana* iaitu 'binatang yang mendiami neraka'. Dalam pepatah Melayu, 'haruan makan anak' dan 'harapkan pegar, pegar makan padi' adalah bidalan yang paling tepat ditujukan kepada golongan durjana tersebut. Kewujudan pepatah Melayu terbabit sejak berabad yang lalu menggambarkan betapa pedofilia telah muncul sejak sekian lamanya dalam masyarakat dan mangsa biasanya mengenali individu yang melakukan onar ke atas mereka.

Di Australia, situasinya adalah hampir sama dengan Malaysia di mana golongan pelaku juga dimonopoli oleh individu yang dikenali mangsa seperti jiran, rakan sebaya dan rakan





ahli keluarga (McKibbin & Humphreys, 2020) manakala status pelaku di England turut 'disandang' oleh kaum perempuan yang bergelar ibu (Gekoski, Davidson & Horvath, 2016). Sementara itu, di Botswana, Afrika, kanak-kanak lelaki mencabul kanak-kanak lelaki lain merupakan suatu fenomena baru yang mengalami peningkatan kes saban tahun (Ramabu, 2020). Lebih mengejutkan, kanak-kanak lelaki di Botswana, Afrika telah pun menghidu ganja seawal usia 11 tahun manakala kanak-kanak perempuan berusia 11 hingga 14 tahun telah pun melahirkan zuriat kandung. Bukan itu sahaja, malah ibu bapa turut menjadikan anak masing-masing sebagai sumber pendapatan menerusi pelacuran, tidak menghantar anak-anak ke sekolah, tidak menghiraukan anak-anak yang telah diperkosa, tidak melaporkan kes pencabulan kepada pihak berkuasa, menjadikan perkahwinan kanak-kanak sebagai budaya dan menentukan calon suami kepada bayi yang baru dilahirkan. Walau bagaimanapun, kes pencabulan seksual di Amerika Syarikat mengalami penurunan sekitar tahun 1992 sehingga 2010 disebabkan beberapa faktor seperti peningkatan intervensi sosial, kekerapan laporan kepada pihak berkuasa, penambahan kuota pengambilan penganggur dalam agensi-agensi pekerjaan dan pengawalan kadar ponteng sekolah (Fallon, 2019).

Terdapat beberapa kategori ibu dalam keluarga sumbang mahram yang dilabel sebagai wanita yang gagal menjalankan tugas domestik sosial mereka sebagai seorang ibu dan isteri iaitu pasif, pendendam dan psikotik iaitu terencat akal. Ke tiga-tiga kategori ibu ini amat bergantung kepada individu lain dalam aspek kewangan, keselamatan dan emosi. Walau bagaimanapun, terdapat juga ibu berkerjaya dan bergaji tinggi yang menghadapi isu sumbang mahram dalam keluarganya kerana ibu itu tinggal berjauhan dengan anak-anak (Azzopardi, Alaggia & Fallon, 2018).

Seperkara lagi fakta yang merisaukan adalah perbuatan tidak senonoh tersebut kerap dilakukan di dalam rumah yang didiami mangsa. Hal ini secara tidak langsung





menggambarkan kepincangan institusi kekeluargaan di Malaysia kerana rumah yang sepatutnya menjadi tempat paling selamat untuk anak-anak kecil berlindung dan berteduh, ternyata menjadi lubuk pedofilia melampiaskan syahwat. Pedofilia merupakan gelaran bagi golongan yang berkeinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak manakala hebefilia adalah istilah bagi pelaku yang menyasarkan individu akil baligh sebagai mangsa terutamanya remaja (Maddan & Pazzani, 2017).

Pedofilia terbahagi kepada tiga jenis iaitu obsesif, regresif dan agresif. Pedofilia obsesif merupakan pelaku yang tidak berupaya membina perhubungan dengan mangsa dalam apa jua fasa percubaannya untuk memperdaya mangsa sehingga perkara tersebut mengganggu fikirannya. Justeru, pelaku akan mencari jalan untuk mendekati mangsa dengan cara mendapatkan pekerjaan yang membolehkannya sering dikelilingi kanak-kanak. Hal ini kerana pelaku sangat berkeinginan untuk menyentuh dan menghidu bau kanak-kanak tanpa penetrasi (Maddan & Pazzani, 2017). Memandangkan mangsa dan ibu bapa mangsa biasanya mengenali pelaku, maka pelaku akan memulakan pencabulan seksual terhadap mangsa setelah ibu bapa mangsa sendiri memberikan sepenuh kepercayaan terhadap pelaku untuk menjaga serta mendampingi mangsa.

Pedofilia regresif adalah pelaku yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan pedofilia obsesif di mana pelaku tidak berhajat untuk melakukan penetrasi terhadap mangsa. Pelaku regresif mempunyai perhubungan sosial normal dengan rakan-rakannya dan turut mempunyai pengalaman menjalin perhubungan heteroseksual. Pelaku regresif mula mencipta masalah apabila menginjak ke alam dewasa kerana mereka diselubungi perasaan keupayaan seksualiti yang lemah sebagai seorang lelaki terutamanya jika kekasih atau isterinya curang. Akibatnya, pelaku akan mendekati kanak-kanak perempuan yang tidak dikenali untuk menjalin perhubungan (Maddan & Pazzani, 2017).





Pedofilia agresif merujuk kepada pelaku yang menyasarkan kanak-kanak lelaki sebagai mangsa dan menyerang mangsa dengan kejam di mana mereka biasanya akan melakukan penetrasi ke dalam dubur mangsa sama ada menggunakan objek atau zakar. Keghairahan memuncak apabila penetrasi dilakukan dengan lebih agresif selain pelaku turut bermasturbasi untuk mencapai orgasme (Maddan & Pazzani, 2017).

Dalam hal ini, McElvaney (2016) dan Posch dan Bieneck (2016) menghuraikan bahawa pelaku di bawah kategori apa jua sekali pun, mereka selayaknya menerima hukuman yang setimpal mengikut undang-undang di negara masing-masing sekiranya mereka melakukan pencabulan dengan sentuhan fizikal atau tanpa sentuhan fizikal terhadap kanak-kanak seperti berikut: (a) menunjukkan organ seksual kepada kanak-kanak, (b) melakukan aktiviti seks di hadapan kanak-kanak, (c) menyentuh vagina, dubur atau buah dada kanak-kanak, (d) meminta kanak-kanak merangsang zakar pelaku dengan sentuhan tangan atau secara oral, (e) melakukan masturbasi dengan kehadiran kanak-kanak atau penglibatan kanak-kanak, (f) melakukan penetrasi ke dalam vagina, dubur atau mulut kanak-kanak dengan menggunakan objek, lidah, zakar atau jari, dan (g) menunjukkan bahan lucah kepada kanak-kanak sama ada berbentuk rakaman video atau foto. Bukan itu sahaja, malah cubaan membina perhubungan emosi dengan kanak-kanak dengan niat untuk melakukan seks terhadap mereka juga dikategorikan sebagai pencabulan seksual.

Biasanya, pelaku memberi upah kepada mangsa atau mengugut mangsa supaya merahsiakan kejadian pencabulan daripada diketahui orang lain bagi menutup malu. Terdapat juga pelaku ekstrem yang akan membunuh mangsa bertujuan menghapuskan bukti (Nizam, 2012). Sejujurnya, perlakuan sedemikian tidak boleh diterima akal yang waras namun hakikatnya inilah realiti yang benar-benar berlaku dalam era serba canggih dan moden masa kini. Kewujudan penyakit pandemik sosial yang kian berleluasa ini seolah-olah disedari hanya setelah terbongkarnya kegiatan Richard Huckle yang





menjadikan ratusan anak-anak kecil seawal umur enam bulan di sekitar Kuala Lumpur sebagai mangsa kerakusan nafsu (Vaughan, 2016). Ironinya, situasi berkenaan umpama sampai ke titik kemuncak dan menggegarkan seluruh Malaysia apabila banyak pihak terkesan dengan insiden tidak berperikemanusiaan tersebut di samping ibu bapa mula dihantui kebimbangan akan keselamatan anak-anak. Siren amaran terbabit menandakan bahawa anak-anak kita tidak lagi berada dalam persekitaran yang selamat meskipun Richard Huckle telah dijatuhkan hukuman penjara selama 23 tahun 242 hari atas 71 pertuduhan kesalahan seksual kanak-kanak yang dilakukannya (Ananthalakshmi, 2017). Hal ini kerana golongan pedofilia seperti Richard Huckle sememangnya terdapat di mana-mana dan sukar dikesan dek perlakuan mereka yang normal seperti manusia biasa serta tidak menunjukkan sebarang permasalahan psiko-seksual secara terang-terangan (Farah, 2019 & Raja Intan Diana, 2015).



Penangkapan Richard Huckle di lapangan terbang Gatwick, London dan penutupan laman web lucah *True Love Zone (TLZ)* yang dikendalikannya bersama Shannon McCoole turut membongkar perspektif pencabulan seksual dari sudut pandang individu yang bergelar pedofilia (Ananthalakshmi, 2016; Vaughan, 2016). Golongan pedofilia terutamanya mereka yang datang dari negara Barat melihat bahawa kanak-kanak dalam kalangan keluarga miskin di Asia Tenggara khususnya Malaysia dan Kemboja amat mudah didampingi kerana kehidupan mereka tidak terurus dan tidak begitu diambil peduli oleh ahli keluarga masing-masing (Vaughan, 2016). Fakta terbabit didapati selari dengan kajian Klimley, Carpinteri dan Van Hasselt (2018) yang mendedahkan bahawa majoriti kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia merupakan mereka yang lari dari rumah, dibuang keluarga, tinggal dengan ibu atau bapa yang berpendapatan rendah dan telah bercerai. Bukan itu sahaja, malah faktor-faktor lain seperti kanak-kanak dengan latar belakang status kaum minoriti yang tinggal di pedalaman dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah turut menjerumuskan mereka sebagai individu yang berisiko





tinggi menjadi mangsa pedofilia. Kekurangan ini dijadikan peluang keemasan untuk mendapatkan kepercayaan daripada ibu bapa mangsa dengan menawarkan bantuan dari segi khidmat sosial, ilmu, kepakarandan wang ringgit. Kehadiran Richard Huckle yang memperkenalkan dirinya sebagai guru fotografi telah diterima baik oleh masyarakat setempat sekali gus membolehkannya tinggal bersama komuniti terbabit dan menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan seperti hari sukan, sambutan perayaan serta upacara keagamaan (Ananthalakshmi, 2017). Golongan pedofilia sememangnya begitu komited, bersungguh, berkemahiran memanipulasi dan mempunyai perancangan tersusun sehingga berupaya membina hubungan baik dengan ahli keluarga mangsa sekali gus memperoleh akses untuk mendekati kanak-kanak dengan amat mudah. Agenda Richard Huckel bertambah lancar apabila ibu bapa mangsa sedikit pun tidak meragui kebajikannya, bahkan meletakkan sepenuh kepercayaan di bahunya sehingga sanggup membiarkan anak kecil mereka yang baru berusia tiga tahun bersamanya sepanjang hari. Malahan sehingga kini, ibu bapa mangsa masih menafikan perbuatan Richard Huckle, jauh sekali melaporkan kes sedemikian ke muka pengadilan meskipun helahnya mengeksploitasi kanak-kanak sejak Mac 2006 berjaya dibongkar oleh pihak berkuasa (Ananthalakshmi, 2017; Vaughan, 2016). Dalam hal ini, dari aspek psikologi, McElvaney (2016) berpendapat bahawa ibu bapa mangsa sebenarnya tidak dapat menerima hakikat bahawa anak mereka telah dicabul. Keadaan tersebut secara tidak langsung membuktikan betapa kesedaran mengenai penderaan seksual yang terhad telah mengakibatkan ibu bapa mangsa menafikan realiti yang terjadi. Apa yang lebih menyedihkan, ada di antara ibu bapa mangsa yang tidak tahu sama sekali bahawa anak mereka telah pun dicabul oleh warga Britain berkenaan (Ananthalakshmi, 2017).

Isu yang sama melanda Kemboja apabila stigma masyarakat mendahului norma, nilai dan kewarasan akal sehinggakan ibu bapa mangsa mengelak daripada menggunakan istilah 'cabul' demi memelihara maruah keluarga. Mereka menggantikan istilah tersebut dengan





frasa ‘isu memalukan berkaitan bahagian sulit tubuh badan’ kerana mereka juga percaya bahawa nasib malang atau *kruah* akan berterusan menimpa mereka dan anak-anak jika ‘cabul’ disebut berulang kali. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan betapa pandangan masyarakat terhadap isu pencabulan seksual dicorakkan oleh fahaman, kepercayaan dan adat yang dipegang. Maddan dan Pazzani (2017) menjelaskan bahawa pelaku yang menjadikan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah sebagai mangsa biasanya tidak menghiraukan aspek jantina. Dengan kata lain, pelaku berkenaan akan ‘menyapu licin’ kanak-kanak, tidak kira lelaki mahupun perempuan. Hal ini berbeza dengan pelaku yang menjadikan kanak-kanak berumur tujuh tahun ke atas sebagai mangsa di mana mereka akan memilih jantina tertentu yang diingini. Bukan itu sahaja, malah Polis Diraja Malaysia turut mendedahkan bahawa pelaku yang terdiri daripada orang asing iaitu orang luar yang bukan ahli keluarga mangsa begitu licik melakukan tipu daya menerusi pelbagai aplikasi media sosial seperti WeChat, WhatsApp, Facebook dan sebagainya (Saroja, 2017). Jadual 1.7 membongkar statistik kes jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia yang dilaporkan mengikut jenis penggunaan aplikasi media sosial bagi dua tahun berturut-turut iaitu 2015 dan 2016.

Jadual 1.7: Bilangan kes pencabulan seksual kanak-kanak berdasarkan tahun dan jenis aplikasi media sosial sebagai modus operandi pelaku

Tahun	Aplikasi					
	WeChat	WhatsApp	Facebook	BeeTalk	Tinder	Instagram
						
2016	124	31	23	3	1	1
2015	138	6	35	5	0	0

Sumber: Saroja (2017)

Berbeza dengan Richard Huckle yang ‘mengidam’ kanak-kanak daripada komuniti India berkeuarga miskin, pelaku yang menggunakan modus operandi di atas mensasarkan kelompok kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang keluarga, pendidikan, bangsa,





status ekonomi dan jantina (Ananthalakshmi, 2016; Vaughan, 2016). Dalam kebanyakan kes jenayah seksual siber pornografi pula, majoriti mangsa mengenali pelaku yang merakamkan foto atau video mangsa tanpa pakaian (Meydan, Walsh & Wolak, 2018). Pelaku juga rata-rata memiliki sejumlah koleksi foto kanak-kanak perempuan dipenetrasi di mana usia mangsa biasanya dikenal pasti antara enam hingga 12 tahun jika tiada payudara mahupun bulu ari-ari dikesan menerusi foto terbabit. Dalam hal ini, pakar forensik komputer terlatih yang mahir dengan teknologi cip perkomputeran amat diperlukan untuk mengumpulkan bukti-bukti digital dengan cara menjejak rekod pencarian atas talian, mengenal pasti masa dan tempat kejadian berlaku menerusi foto-foto pornografi, mengesan fail internet sementara, mengesahkan kanak-kanak di dalam foto-foto pornografi adalah mangsa sebenar dan membuktikan sama ada foto-foto pornografi yang dijumpai dalam komputer dan cip mikro merupakan kesan serangan virus mahupun dimuat turun dengan sengaja memandangkan pelbagai alasan diberikan oleh pelaku apabila mereka diberkas seperti mereka mengalami gangguan mental, ketagihan, foto-foto tersebut dimuat turun oleh individu lain yang mengakses komputer yang sama, foto-foto tersebut dimuat turun untuk tujuan penyelidikan dan ada juga pelaku menafikan sekeras-kerasnya bahawa foto-foto yang dimuat turun adalah foto lucah kanak-kanak.

Memandangkan pelaku merasakan bahawa perbuatan mereka adalah tidak salah dari segi moral dan undang-undang, maka tidak hairanlah mereka tidak mengendahkan kesan psikologi negatif yang bakal ditanggung oleh mangsa seperti mangsa berasa malu yang teramat sangat, serba salah yang melampau, trauma dengan sesi fotografi dan sentiasa dihantui kerisauan jika rakan-rakan, keluarga atau sesiapa sahaja yang mengenali mereka melihat foto-foto lucah tersebut (Meydan, Walsh & Wolak, 2018). Dalam hal ini, pengaruh pornografi didapati sangat mengerikan kerana di Kemboja, ramai kanak-kanak lelaki meniru aksi pornografi sehingga mereka beranggapan bahawa perbuatan mencabul kanak-kanak perempuan adalah tidak salah memandangkan perlakuan tersebut





disebarkan dengan meluas dan mudah diakses menerusi internet. Di United Kingdom, 20% kanak-kanak berumur antara 11 hingga 16 tahun dilaporkan pernah melihat imej seksual menerusi internet secara tidak sengaja manakala pencarian imej pornografi dengan sengaja didapati amat tinggi dalam kalangan lelaki muda (Yar, 2019). Di peringkat global, usaha pemantauan yang dilakukan menerusi analisis terhadap material internet oleh pengkalan data Eksploitasi Pencabulan Seksual Antarabangsa mendapati bahawa 19,400 mangsa dan 8,900 pemangsa menghuni alam maya siber seantero dunia (Simon, Luetzow & Conte, 2020).

Maddan dan Pazzani (2017) turut menerangkan bahawa pelaku yang menggunakan saluran internet untuk mencari mangsa dikategorikan kepada dua jenis iaitu pelaku yang didorong fantasi dan pelaku yang didorong keinginan untuk berkenalan. Objektif pelaku jenis pertama adalah untuk mencapai kepuasan seksual semasa berinteraksi menerusi capaian internet di mana imej erotik mereka dihantar kepada mangsa secara atas talian. Mereka juga akan mengambil masa sekurang-kurangnya 33 hari untuk memupuk kepercayaan mangsa terhadap mereka sebelum mengatur pertemuan dan mencabul mangsa. Objektif pelaku jenis ke dua pula adalah untuk melakukan seks bersama mangsa sebaik sahaja mereka berjumpa. Justeru, pelaku akan sedaya upaya berjumpa mangsa secepat mungkin iaitu seboleh-bolehnya pada hari pertama mereka berinteraksi di alam siber. Mangsa akan diperdayakan dengan ayat-ayat manis romantik sehingga mangsa jatuh hati sekali gus bersetuju untuk berjumpa pelaku pada masa, tarikh dan tempat yang telah direncanakan (Maddan & Pazzani, 2017). Hal ini dijelaskan dengan lebih lanjut oleh Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Superintendent Siti Kamsiah Hassan:





“Tidak perlu berjumpa, tapi melalui media sosial sahaja sudah cukup untuk penjenayah ini berkenalan dengan berkomunikasi secara seksual, hantar gambar lucu dan menggunakan bahasa yang mendorong kanak-kanak ini tertarik dengan aktiviti seksual. Bermula dengan ayat-ayat yang memuji kecantikan fizikal mangsa, sehingga akhirnya berjaya mendorong mangsa untuk berkongsi gambar tubuh badan atau bahagian-bahagian badan yang tidak sepatutnya dikongsi oleh mereka. Akhirnya gambar-gambar ini digunakan oleh suspek untuk mengugut mangsa bagi tujuan mendapat habuan seks” (Muhammad Afham, 2020).

Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa teknologi telekomunikasi masa kini telah mendatangkan impak negatif apabila ia menjadi platform efektif pedofilia untuk mengeksploitasi kanak-kanak dengan sangat mudah. Justeru, Norsafatul Aznin (Bernama, 2017) mengingatkan ibu bapa agar memantau dan membataskan penggunaan telefon pintar terutamanya bagi anak-anak yang berumur antara lima hingga 12 tahun agar mereka tidak terjerat ke dalam perangkap pedofilia yang bergerak aktif secara atas talian. Hal ini kerana, soal selidik yang dijalankan pada tahun 2015 oleh Unit Siasatan Seksual dan Kanak-kanak Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama CyberSAFETM di bawah syarikat telekomunikasi Digi mendapati bahawa satu daripada sepuluh kanak-kanak yang melayari internet telah diminta memuat naik foto atau video peribadi mereka oleh pedofilia (Adrian, 2017).

Dalam hal ini, Nur Azlyn (Adrian, 2017) menegaskan bahawa isu tersebut berupaya ditangani sekiranya kanak-kanak diperkasakan dengan ilmu pengetahuan mengenai jenayah seksual termasuklah simbol dan petanda yang ditunjukkan oleh pedofilia di mana golongan tersebut biasanya akan melayan mangsa dengan sangat baik dan menarik perhatian mangsa dengan cara menghadihkan mangsa anak patung, duit dan *gadget*.





Strategi tersebut dilakukan dalam usaha mempengaruhi mangsa agar kepercayaan terhadap pelaku dapat dipupuk sehinggalah mangsa bergantung sepenuhnya terhadap pelaku dalam aspek kewangan dan emosi (McElvaney, 2016).

Bukan itu sahaja, malah kanak-kanak juga perlu diberi kesedaran bahawa pengenalan menerusi internet sehingga mendorong kepada perhubungan asmara sebenarnya hanya mendedahkan mereka dengan bahaya yang lebih besar sekiranya kenalan maya mereka itu adalah pembawa virus HIV/AIDS. Dalam hal ini, kajian mengenai tahap pengetahuan pelajar sekolah menengah berkenaan medium penularan HIV/AIDS telah dijalankan (Saad, Subramaniam & Tan, 2013). Hasil kajian itu mendapati bahawa semua responden iaitu 194 pelajar pernah mendengar tentang HIV/AIDS. Namun begitu, hanya 19% responden sahaja yang mengetahui bahawa HIV/AIDS boleh dipindahkan daripada ibu kepada bayi menerusi susu badan. Seramai 54% daripada keseluruhan responden mengetahui bahawa seseorang individu itu boleh dijangkiti HIV/AIDS melalui darah, suntikan jarum, air mani dan lendir faraj manakala selebihnya didapati masih belum mengetahui tentang fakta tersebut. Justeru, pengajaran PEERS di sekolah dilihat sangat penting dan perlu diberi penekanan yang drastik. Hal ini turut dipersetujui oleh Presiden Kumpulan Bertindak Ibu Bapa untuk Pendidikan (PAGE), Noor Azimah (Suganya, 2015) yang memberi galakan dengan menyokong sepenuhnya pengajaran PEERS pada usia lebih awal berbanding implementasi sedia ada. Hal ini kerana, kanak-kanak seawal usia tiga tahun sudah dapat memahami pengetahuan asas seksualiti seperti bahagian alat sulit, sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat serta kemahiran preventif bagi melindungi mereka daripada dicabul (Yu et al., 2017). Rohani (*Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017) juga meluahkan pandangan yang sama di mana beliau menyarankan agar PEERS diajar kepada anak-anak kecil pada usia seawal mungkin agar mereka mengetahui tentang perlakuan-perlakuan yang dikategorikan sebagai pencabulan seksual serta berupaya menghindarinya. Walau bagaimanapun,





guru-guru melahirkan keraguan untuk mengajar subjek tersebut disekolah rendah kerana perkataan seks sememangnya dianggap tabu dalam kalangan masyarakat kita (*Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017; Suganya, 2015). Hal ini turut diakui oleh Mahnaz (2016) yang mendedahkan bahawa kebanyakan guru enggan mengajar topik-topik sensitif dalam Pendidikan Kesihatan. Selain itu, guru-guru juga sukar memberi penerangan yang tepat kepada kanak-kanak prasekolah kerana sebagai golongan dewasa, mereka berasa tidak selesa membincangkan isu seksualiti dengan kanak-kanak secara terbuka terutamanya apabila diajukan soalan-soalan spesifik berkaitan seks (Suganya, 2015). Dalam hal ini, McElvaney (2016) menegaskan bahawa sebagai orang dewasa, guru seharusnya lebih matang berbicara mengenai hal-hal seksual dengan kanak-kanak prasekolah. Pengasas *Protect and Save The Children*, Madeleine Yong (*Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017) turut mengulas mengenai senario terbabit dengan menerangkan bahawa guru-guru sedang berhadapan dengan dilema antara tanggungjawab sebagai warga pendidik dengan perasaan malu mereka sendiri sekali gus mencerminkan ketidaksediaan dan ketidakyakinan mereka untuk berdepan dengan cabaran ini. Ringkasnya, permasalahan kajian ini adalah:

Jadual 1.8: Ringkasan pernyataan masalah

Bil	Sumber	Permasalahan Kajian
1.	Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!! (2017)	Guru ragu-ragu untuk mengajar Pendidikan Kesihatan.
2.	Mahnaz (2016)	Guru enggan mengajar topik-topik sensitif dalam Pendidikan Kesihatan.
3.	Suganya (2015)	Guru sukar memberi penerangan yang tepat kepada murid kerana tidak selesa membincangkan isu seksualiti.
4.	Madeleine Yong (2017) dan Talib (2012)	Guru mengalami dilema antara tanggungjawab dengan perasaan malu mereka sendiri.





Impaknya, guru-guru didapati mengambil jalan mudah dengan sewenang-wenangnya mengumumkan aktiviti bebas di mana murid boleh membuat hal masing-masing apabila tiba masa pengajaran bagi Pendidikan Kesihatan Seksualiti dan ada juga guru-guru yang mengarahkan murid membaca sendiri topik-topik berkaitan seksualiti di dalam kelas (Talib et al., 2012). Isu yang sama turut diperkatakan di peringkat global apabila guru didapati melaksanakan pengajaran bagi Pendidikan Kesihatan Seksualiti dengan hanya membacakan buku teks kepada murid di dalam kelas (Francis, 2010). Bukan itu sahaja, malah guru-guru turut menggunakan metafora untuk mengajar tentang bahagian alat sulit serta organ pembiakan manusia seperti pistol (zakar), tembak (ejakulasi), lubang kunci (faraj) dan sasaran (ovum) tanpa menerangkan maksud sebenar bagi istilah perlambangan tersebut sehingga menyebabkan para pelajar sukar memahami apa yang diajar memandangkan maklumat yang diberikan samar, tidak terperinci dan tidak mencukupi (Talib et al., 2012).



Dalam hal ini, Burrows, Bearman, Dion dan Powell (2017) mencadangkan agar penekanan yang serius diberikan terhadap penggunaan istilah anggota badan lelaki dan perempuan berserta penerangan lengkap tentang fungsi setiap organ dalam PEERS bermula di peringkat prasekolah memandangkan penggunaan istilah-istilah anatomi bagi bahagian reproduktif yang jelas berdasarkan perspektif perubatan dan perundangan akan memudahkan sesiapa sahaja untuk memahaminya termasuklah golongan masyarakat yang tidak memiliki pendedahan atau pengetahuan khusus mengenai Pendidikan Seksualiti. Pandangan tersebut dipersetujui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah (*Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017) yang menggesa guru-guru agar menggunakan istilah yang betul apabila menerangkan bahagian anggota tubuh kepada murid bertujuan memudahkan murid melaporkan atau memberitahu orang dewasa andai seseorang menyentuh mereka dengan cara yang tidak wajar. Selain itu,





para guru turut menyatakan bahawa ‘murid tidak berminat dengan Pendidikan Kesihatan’ sebagai alasan untuk mereka tidak mencari dan mengubah strategi pengajaran menjadi lebih efektif. Di samping itu, faktor guru tidak berpengalaman turut dikenal pasti sebagai kekangan dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan. Dalam hal ini, guru menjelaskan bahawa mereka tidak mendapat sebarang latihan mahupun garis panduan mengenai pedagogi inovatif daripada Kementerian Pendidikan bagi mengendalikan pengajaran Pendidikan Kesihatan.

Keadaan menjadi bertambah rumit apabila guru yang dipertanggungjawabkan mengajar subjek tersebut terdiri daripada mereka yang masih belum berkahwin. Ketiadaan pengalaman sebenar dalam perhubungan seks telah menyebabkan mereka berasa malu untuk memberi penerangan berhubung organ-organ sensitif terutamanya apabila proses pengajaran dan pembelajaran membabitkan guru dan murid yang berbeza jantina iaitu sama ada guru perempuan yang mengajar murid lelaki mahupun guru lelaki yang mengajar murid perempuan. Rentetan itu, guru yang ditemu bual telah mencadangkan agar murid perempuan dan lelaki diasingkan apabila tiba waktu pengajaran bagi Pendidikan Kesihatan memandangkan bukan hanya guru yang berasa malu, bahkan murid perempuan juga dikatakan enggan bertanya sebarang soalan dan tidak mahu terlibat dalam perbincangan. Mereka hanya akan bertanya kepada guru apabila murid lelaki beredar setelah kelas tamat. Tambahan pula, guru memaklumkan bahawa sumber dan bahan pengajaran adalah terhad di mana mereka hanya dibekalkan buku teks dan cakera padat animasi oleh Kementerian Pendidikan selain perpustakaan di sekolah juga tidak mempunyai bahan rujukan yang lengkap. Bukan itu sahaja, malah guru-guru turut mengakui bahawa mereka masih tidak mempunyai pengetahuan mencukupi selain amat memerlukan latihan khusus untuk mengajar Pendidikan Kesihatan Seksualiti. Oleh itu, jelaslah bahawa pembinaan Modul PEERS-DK adalah sangat relevan bagi mempersiapkan guru prasekolah dengan strategi pengajaran PEERS yang lebih efektif.





Kekangan seterusnya adalah ibu bapa menganggap guru mendedahkan terlalu banyak hal-hal tentang seks kepada anak-anak mereka selain turut menuduh guru mengajar tanpa mengikut silibus. Secara tersiratnya, keadaan sedemikian menunjukkan betapa ibu bapa sendiri sebenarnya tidak memberi didikan seks kepada anak-anak mereka, jauh sekali menerangkan keadaan-keadaan berisiko yang boleh mengundang sumbang mahram, seks luar tabii dan rogol meskipun di dalam rumah sendiri. Diperingkat global, hal ini turut diakui oleh McKibbin dan Humphreys (2020) di mana mereka menjelaskan bahawa para ibu bukan sekadar memberikan maklumat yang tidak tepat kepada anak-anak, malah mereka hanya memfokuskan kepada bahaya daripada orang yang tidak dikenali semata-mata walhal hakikatnya, ahli keluarga sendiri merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah kes pencabulan seksual setakat ini.

Bukan itu sahaja, malah faktor kekeliruan boleh mengakibatkan murid merujuk kepada capaian internet tanpa bimbingan orang dewasa untuk mendapatkan maklumat yang belum tentu sahih (Hazlina, 2016; *Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017). Dalam hal ini, ketidaktepatan informasi boleh menyebabkan murid membuat tafsiran dengan salah sehingga mendorong mereka untuk terus menggali input dan mencuba perkara baru bagi mengetahui hasilnya sementara mereka belum berupaya membezakan antara maklumat yang baik dengan buruk (Muhammad Afham, 2020). Justeru, keberkesanan Pendidikan Kesihatan amat bergantung kepada pedagogi yang digunakan oleh para guru (Talib et al., 2012). Keadaan ini telah dibuktikan oleh Mahnaz dan Sharifah (2016) menerusi kajian mereka yang mendapati bahawa strategi pengajaran yang efektif merupakan suatu keperluan yang sangat penting selain guru-guru mesti dilatih untuk mengajar Pendidikan Kesihatan di peringkat paling asas. Sehubungan dengan itu, Mahnaz dan Sharifah (2016) menyarankan agar drama digunakan kerana ia merupakan antara pendekatan pengajaran yang berupaya menjadikan pelajar aktif di dalam kelas. Akan tetapi, guru-guru berpendapat bahawa drama tidak boleh dikuasai





tanpa melalui proses latihan yang panjang (Batdi & Batdi, 2015). Mentaliti sedemikian telah membantutkan dan menyekat pengaplikasian drama sebagai kaedah pengajaran yang efektif (Joronen et al., 2008). Meskipun para guru didapati ada menggunakan kaedah drama dalam pengajaran dan program-program kesihatan, namun penggunaannya didapati terhad memandangkan kebanyakan guru tidak mempunyai pengalaman berdrama dan menganggap aplikasi drama dalam pengajaran menuntut masa, wang, tenaga, usaha dan kemahiran teaterikal yang sangat banyak serta mengganggu sesi pengajaran (Soibon, 2021) walhal implementasi drama sebagai kaedah pengajaran sebenarnya akan memudahkan tugas guru di mana guru tidak lagi terbeban untuk memikirkan bagaimana dan apakah strategi pengajaran bagi setiap minggu persekolahan memandangkan drama sangat kaya dengan pendekatan improvisasi yang menjadikan guru lebih fleksibel, inovatif dan kreatif (Batdi & Batdi, 2015; Lehtonen, Kaasinen & Vakeva, 2016).



Dalam hal ini, Kamalanathan mengulas bahawa Kementerian amat mengalu-alukan cadangan dan idea daripada kalangan ahli akademik bagi mengukuhkan pedagogi dalam usaha menambahbaik pengajaran PEERS memandangkan penderaan seksual mendatangkan banyak kesan negatif jangka pendek dan jangka panjang kepada kanak-kanak. Antaranya termasuklah kecederaan fizikal, psikopatologi seperti kemurungan, kebimbangan, tekanan, agresif, psikosis, paranoia dan empati yang rendah sehingga membawa kepada trauma, kurang keyakinan diri, kesukaran tidur, tiada selera makan, lari dari rumah, jangkitan penyakit kelamin, mengandung, keguguran janin, kelahiran bayi tidak sah taraf, pembuangan bayi, berkecenderungan membunuh diri, kefunksian dalam keluarga tidak lancar, ketagih seks dan berpotensi menjadi penjenayah, pedofilia serta pelacur dengan tingkah laku seksual berisiko iaitu saling bertukar pasangan di samping penggunaan alkohol yang tinggi apabila dewasa kelak (Fallon, 2019; Blank, Nunes & Maimone, 2018; Okefor, Okefor & Tobin-West, 2018; Fox, 2017; *Seminar Jenayah*





Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!, 2017; Avila, 2016; Gekoski, Davidson, & Daigneault, 2016; Dion, Hébert & Bourgeois, 2016; Lund, Day, Schmidt, Saigal & Van Lieshout, 2016;). Impak pencabulan seksual terhadap mangsa boleh digunakan untuk menjangkakan perlakuan mangsa sendiri pada masa hadapan (Fox, 2017). Dalam hal ini, 90% pelaku remaja di Amerika Syarika yang didapati pernah dicabul sekurang-kurangnya sekali semasa kanak-kanak menunjukkan kewujudan perhubungan antara pengalaman traumatik menjadi mangsa cabul semasa kanak-kanak dengan tingkah laku jenayah 10 tahun kemudian (Fox, 2017).

Berbalik kepada isu guru yang seakan culas dalam memikul amanah, Hazlina (2016) menghuraikan bahawa golongan pendidik tidak seharusnya dipersalahkan sepenuhnya kerana mereka juga kebanyakannya membesar tanpa informasi dan pendedahan yang cukup mengenai Pendidikan Kesihatan Seksualiti. Dengan itu, tanggungjawab membentuk, membimbing dan mendidik anak-anak tidak seharusnya dibebankan atas bahu para guru semata-mata sebaliknya, ibu bapa atau penjaga juga perlu memainkan peranan dengan baik kerana mereka merupakan individu paling dekat dan arif mengenai hal-ehwal anak-anak. Memandangkan keluarga adalah sistem sokongan kompleks yang boleh membimbing anak-anak mengamalkan tingkah laku yang baik (Sternberg, 2013), maka anak-anak sewajarnya didedahkan mengenai PEERS bermula dari rumah meskipun ibu bapa sendiri mempunyai keterbukaan yang masih rendah atau kekurangan pengetahuan untuk berkomunikasi tentang isu seksualiti dengan anak masing-masing. Antara perkara yang wajar dititikberatkan dan diamalkan kepada anak-anak di rumah ialah mengasingkan tempat tidur anak lelaki dan anak perempuan, melarang anak-anak berbogel di dalam rumah dan melatih anak sulung lelaki agar bertanggungjawab menjaga maruah dan kehormatan adik-adik yang lain sama ada adik lelaki mahupun adik perempuan (Ahmad Izham, 2017). Di samping memperkasa anak-anak dengan meletakkan tanggungjawab sedemikian di bahu mereka, ibu bapa sendiri mestilah





memainkan peranan penting dengan menjaga keselamatan, memberi perlindungan, mempercayai apa yang diadukan oleh anak-anak dan mengingatkan anak-anak mengenai batasan perhubungan sesama ahli keluarga serta rakan-rakan bertujuan mengelakkan mereka terlibat dengan tingkah laku anti sosial dan berisiko (Ahmad Izham, 2017; Bernama, 2017; *Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!*, 2017). PEERS yang diterapkan di rumah mampu mewujudkan komunikasi dua hala yang lancar antara ibu bapa dan anak-anak. Keadaan ini secara tidak langsung berupaya menyediakan persekitaran positif untuk menyokong tumbesaran yang sihat. Adalah dipercayai bahawa, kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang saling berinteraksi dan sentiasa berhubung akan lebih berupaya untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi, mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan berkeyakinan menangani cabaran (Sternberg, 2013). Menurut Mariani (Ahmad Izham, 2017), pepatah ‘menjaga tepi kain orang’ yang membawa konotasi negatif tidak lagi relevan pada hari ini kerana selain guru dan ibu bapa, masyarakat sekeliling juga seharusnya menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing dengan cara mengambil tahu apa yang berlaku terhadap anak-anak jiran tetangga.

Secara keseluruhannya, huraian dalam permasalahan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa hal-hal berkaitan seksualiti merupakan isu yang sangat sensitif untuk diperkatakan secara terbuka. Meskipun sukar, mentaliti masyarakat perlu diubah agar mereka lebih memahami, mendengar, memerhati, mengakui dan yang paling penting adalah menerima hakikat bahawa suatu tindakan drastik mesti dilakukan untuk menangani permasalahan dan berdepan dengan isu sensitif sebegini bagi menjamin kelangsungan hidup yang harmoni serta kesejahteraan anak-anak pada masa akan datang.





1.4 Kerangka Teoretikal Kajian

Terdapat tiga teori utama yang mendasari kajian ini iaitu Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak yang diasaskan oleh Finkelhor dan Araj, Teori Bermain yang dipelopori oleh Mildred Parten Newhall dan Teori Pembelajaran Konstruktivis ciptaan Jerome Seymour Bruner yang terkenal dalam bidang pendidikan.

1.4.1 Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak

Prevensi hanya boleh dilaksanakan sekiranya punca pencabulan seksual dapat dikenal pasti. Justeru, David Finkelhor (Finkelhor & Araj, 1986) mengetengahkan idea tentang etiologi pencabulan seksual terhadap kanak-kanak menerusi Model Finkelhor yang dibina pada tahun 1984 dalam usaha memahami mengapa terdapat golongan dewasa berkeinginan melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak sekali gus mengenal pasti penawar kepada barah tersebut.

Model Finkelhor menghipotesiskan bahawa pencabulan seksual terjadi jika empat prasyarat berikut dipenuhi iaitu:

(a) *Prasyarat 1: Motivasi*

Pelaku mestilah mempunyai motivasi untuk melakukan pencabulan seksual terhadap kanak-kanak. Motivasi seksual tersebut didorong oleh beberapa aspek seperti: (a) pelaku bimbang menjalinkan dan meneruskan perhubungan dengan perempuan dewasa sehingga mendatangkan masalah dalam rumah tangga bagi pelaku yang telah berkahwin, (b) pelaku meyakini bahawa mempunyai pasangan yang lebih kecil, lebih muda dan lebih lemah akan menjadikan lelaki lebih berkuasa dan dominan dalam perhubungan seksual, (c) pelaku melihat kanak-kanak sebagai subjek erotik dalam iklan-iklan yang membabitkan kanak-kanak, dan (d) pelaku pernah menjadi mangsa iaitu mempunyai pengalaman seksual traumatik pada zaman kanak-kanak. Pelaku yang mempunyai pengalaman silam





sebegini akan merasakan bahawa perasaan malu dan terhina semasa dinoda ketika mereka masih kecil hanya dapat ditebus dengan menjalinkan perhubungan seks dengan kanak-kanak (Finkelhor & Araji, 1986). Dengan kata lain, kekecewaan mereka diperlakukan sebagai alat pemuas seks terubat apabila mereka mengulangi perkara yang sama kepada kanak-kanak. Dalam hal ini, kepercayaan dalam agama Buddha mendedahkan bahawa kemarahan, dosa dan ketamakan merupakan tiga faktor utama yang menyebabkan api kerakusan dalam kalangan pelaku menjulang tinggi. Kesimpulannya, prasyarat 1 lebih menumpukan kepada keperluan emosi sehingga pelaku menaruh harapan yang tinggi untuk memiliki kanak-kanak kerana mereka beranggapan bahawa hanya kanak-kanak yang mampu menstabilkan emosi mereka dan mengembalikan semula kekuatan dalam diri.



(b) Prasyarat 2: Perencat Dalaman



Prasyarat 2 menjelaskan tentang mengapa pelaku melihat kanak-kanak sebagai perangsang seks. Pelaku sangat tertarik dengan kanak-kanak kerana kanak-kanak mempunyai kulit yang mulus selain bulu roma yang sangat sedikit berbanding golongan dewasa (Finkelhor & Araji, 1986). Walau bagaimanapun, rangsangan seksual hanya muncul jika pelaku berupaya mengatasi gangguan impuls secara dalaman iaitu perasaan teragak-agak yang menghalang mereka untuk mendekati dan mempergunakan kanak-kanak. Dengan kata lain, pelaku perlu bertarung dengan konflik diri sama ada mahu meneruskan niat mencabul atau sebaliknya. Terdapat beberapa keadaan tertentu yang boleh menghakis perasaan teragak-agak tersebut yang sekali gus merupakan faktor kanak-kanak menjadi subjek erotik pada kaca mata pedofilia iaitu pelaku mengalami tekanan hidup yang sangat teruk, mempunyai latar belakang keluarga yang berpecah-belah, berada di bawah pengaruh alkohol, terdedah dengan bahan-bahan





pornografi kanak-kanak, psikosis, berfantasi seksual melibatkan kanak-kanak secara berulang dan gagal mengenal pasti keperluan asas kanak-kanak. Selain itu, pegangan dalam sesebuah keluarga yang mempercayai bahawa segala arahan lelaki termasuklah perkara-perkara yang tidak wajar mesti dipatuhi dengan taat juga merupakan faktor yang menyokong kuat kehadiran pedofilia.

(c) Prasyarat 3: Perencat Luaran


Prasyarat 3 disimbolkan sebagai ‘tersumbat’ bagi menggambarkan keadaan pelaku yang gagal memenuhi keperluan emosi dan kepuasan seks menerusi perhubungan normal dengan wanita dewasa kerana pelaku merasakan bahawa perhubungan intim dengan wanita dewasa hanya mendatangkan kesukaran dan kekecewaan terutamanya jika mereka diabaikan oleh buah hati atau mengalami mati pucuk ketika melakukan seks buat kali pertama bersama kekasih (Maddan & Pazzani, 2017). Selain itu, bagi pelaku yang telah berkeluarga, mereka biasanya mengalami keretakan rumah tangga kerana keperluan batin gagal dipenuhi sehingga menyebabkan mereka menyasarkan kanak-kanak sebagai mangsa. Dalam misi mengintai dan merebut peluang untuk mencabul kanak-kanak, pelaku terlebih dahulu akan memastikan bahawa mangsa adalah: (a) kanak-kanak yang tidak mendapat pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga, (b) kanak-kanak yang tidak mendapat sokongan emosi daripada ahli keluarga, (c) kanak-kanak yang tidak rapat dengan ibu, dan (d) kanak-kanak yang mengalami isolasi sosial dalam keluarga. Setelah semua ciri-ciri tersebut dipenuhi, maka pelaku dikatakan hampir memiliki akses penuh untuk menoda mangsa. Pelaku akan mengatur strategi yang lebih menarik bertujuan memastikan perancangan berjalan lancar dengan cara memberikan hadiah dan membiasakan kanak-kanak dengan tutur kata serta perlakuan mengghairahkan agar mereka tidak takut melakukan seks apabila berjumpa kelak.





(d) Prasyarat 4: Daya Tahan Mangsa

Prasyarat terakhir adalah, pelaku mestilah memilih kanak-kanak yang memiliki daya tahan yang lemah. Menurut Folostina, Tudorache dan Michel (2015), daya tahan merupakan kekuatan psikologi yang dipengaruhi oleh faktor biologi, persekitaran dan interaksi di sekeliling kanak-kanak. Ia membantu kanak-kanak mendepani cabaran dan pulih daripada situasi yang sukar. Dengan kata lain, daya tahan menjadikan kanak-kanak lebih kuat terutamanya ketika mereka menghadapi kegagalan dan kekecewaan. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa pencabulan seksual berupaya dilumpuhkan dengan cara meningkatkan daya tahan kanak-kanak. Untuk tujuan tersebut, Modul PEERS-DK dibangunkan bertujuan mendedahkan kanak-kanak prasekolah dengan pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual memandangkan dua aspek tersebut amat diperlukan sebagai prevensi terhadap gejala sosial yang



Rajah 1.2: Teori Pencabulan Seksual Kanak-Kanak (Finkelhor & Araji, 1986)





1.4.2 Teori Bermain

Bermain didefinisikan sebagai keadaan di mana seseorang mengalami peningkatan tenaga yang memfokuskan dirinya kepada sesuatu aktiviti dalam keadaan ceria berserta senyuman dan ketawa. Semasa bermain, individu bebas memilih dan membuat keputusan. Justeru, fleksibiliti dan spontaniti semasa bermain membolehkan individu terutamanya kanak-kanak menggunakan persekitaran semula jadi mereka untuk menyokong pembelajaran dan menggalakkan sosialisasi (Wickstrom, Pyle & DeLuca, 2019). Mildred Parten Newhall telah mengasaskan Teori Bermain pada tahun 1932 dan mendapati bahawa perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak direfleksi menerusi cara mereka bermain. Setelah melakukan pemerhatian terhadap kanak-kanak yang sedang bermain, Parten menyedari bahawa aktiviti bermain boleh dikategorikan kepada enam jenis iaitu ‘main kosong’, ‘main sendiri’, ‘main tonton’, ‘main selari’, ‘main persatuan’ dan ‘main kerjasama’.



‘Main kosong’ merupakan tahap awal bagi kanak-kanak untuk mengeksplorasi dunia bermain dan fasa itu bermula semasa kanak-kanak masih bayi. Pergerakan kaki dan tangan yang dilakukan tanpa sebab oleh bayi dengan melibatkan perbuatan menyentuh, memegang, menendang, mengetuk, menggigit dan merasa merupakan permulaan kepada aktiviti bermain di mana bayi sebenarnya sedang meneroka keupayaan badan mereka untuk bergerak (Movahedazarhouligh, 2018).

‘Main sendiri’ terjadi apabila kanak-kanak mula bermain alat permainan berseorangan dan mengekalkan fokus terhadap aktiviti yang sedang dilakukan sehingga tidak menyedari ada kanak-kanak lain yang sedang bermain atau duduk berhampiran dengannya. Sekiranya kanak-kanak menyedari kehadiran kanak-



kanak lain, mereka tetap akan bermain bersendirian. ‘Main sendiri’ adalah aktiviti normal terutamanya bagi kanak-kanak yang berusia antara dua hingga tiga tahun memandangkan kemahiran kognitif, fizikal dan sosial mereka belum lagi terbina sepenuhnya. Meskipun kanak-kanak tidak bermain dan tidak berinteraksi dengan kanak-kanak lain ketika ‘main sendiri’, namun aktiviti tersebut dilihat amat penting kerana ia mengajar kanak-kanak untuk menghiburkan diri mereka sendiri dan membantu mereka membina kemahiran membuat sesuatu tanpa bergantung kepada individu lain.


Kanak-kanak diklasifikasikan sebagai sedang melakukan aktiviti ‘main tonton’ apabila mereka hanya memerhatikan kanak-kanak lain bermain tanpa bermain bersama-sama dek malu, teragak-agak atau tidak pasti akan peraturan permainan. Mereka hanya berinteraksi dengan kanak-kanak lain yang sedang bermain menerusi perbualan tentang aktiviti yang sedang dilakukan atau menyoal mengenai kanak-kanak yang dilihat dalam aktiviti tersebut.

‘Main selari’ merupakan transisi daripada ‘main sendiri’ dan ‘main tonton’ yang menuju ke arah corak bermain yang lebih matang iaitu ‘main persatuan’ dan ‘main kerjasama’. ‘Main selari’ berlaku apabila kanak-kanak bermain secara berasingan tetapi berdekatan antara satu sama lain tanpa berkomunikasi (Hill, Dietrich & Cappiello, 2017). Selain berkongsi alat permainan yang sama, kanak-kanak juga meniru aksi dan aktiviti rakan semasa bermain serta saling menumpukan perhatian terhadap apa yang dilakukan oleh rakan. Peringkat ini merupakan permulaan kepada keinginan untuk berkawan.

Interaksi sosial sebenar mula muncul dalam ‘main persatuan’ yang terbentuk apabila kanak-kanak menunjukkan minat untuk bermain bersama kanak-kanak lain (Hill, Dietrich & Cappiello, 2017). Walaupun aktiviti bermain dilakukan



berdekatan antara satu sama lain dan kanak-kanak saling membalas komunikasi rakan serta berkongsi alat permainan yang sama, namun mereka masih bermain berasingan sekali gus menyebabkan tiada peraturan yang ditetapkan semasa bermain. Contohnya, kanak-kanak berkongsi lego yang sama tetapi membina bangunan masing-masing secara berasingan (Hill, Dietrich & Capiello, 2017). Kemahiran berinteraksi, bekerjasama, menyelesaikan masalah dan berbahasa mula terbentuk meskipun aktiviti bermain yang dilakukan adalah tidak seragam. Dengan berkongsi alat permainan, kanak-kanak telah mula mengambil tahu tentang apa yang dilakukan oleh individu di sekelilingnya sekali gus menjadi pengenalan kepada kanak-kanak untuk memahami orang lain.



Rajah 1.3: Teori Bermain (Parten, 1932)

‘Main kerjasama’ atau ‘main sosial’ merupakan peringkat tertinggi dalam jenis-jenis bermain di mana ia mula muncul apabila kanak-kanak menjengah usia empat hingga enam tahun. Semasa ‘main kerjasama’, kerja berpasukan dapat dilihat dengan sangat ketara dan aktiviti bermain menjadi lebih teratur kerana terdapat ketua yang dilantik. Tambahan pula, setiap kanak-kanak turut diberi peranan masing-masing bagi mencapai objektif aktiviti. Dalam hal ini, identiti tersendiri yang dipunyai oleh setiap kanak-kanak turut membentuk identiti kumpulan. Kanak-kanak bukan sahaja mahu bermain bersama-sama dengan





kanak-kanak lain, malah aktiviti bermain juga dilaksanakan berdasarkan tema atau objektif yang telah ditetapkan di mana keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi sosial kanak-kanak. Secara beransur-ansur, kanak-kanak juga tidak lagi menggemari ‘main sendiri’.

1.4.3 Teori Pembelajaran Konstruktivis

Teori Pembelajaran Konstruktivis telah diasaskan pada tahun 1961 oleh pakar psikologi kognitif lulusan Universiti Harvard iaitu Jerome Seymour Bruner. Merupakan anak kepada pasangan Herman dan Rose Bruner, beliau dilahirkan pada 1 Oktober 1915 di New York (Ahmad Sani, 2017). Teori terbabit menekankan konsep pembelajaran berpusatkan murid di mana murid difokuskan sebagai agen aktif dalam proses mengambilalih pengetahuan (Stapleton & Stefaniak, 2018). Hal ini kerana murid merupakan pembina pengetahuan untuk diri mereka sendiri dengan sokongan persekitaran pembelajaran yang sememangnya ditumpukan kepada murid. Dalam hal ini, pembelajaran yang dilalui akan merangsang murid untuk mengkonstruk idea atau konsep berdasarkan pengalaman yang telah ditempuh dan seterusnya merefleksi semula pengalaman tersebut bagi membentuk makna ke atas pengetahuan baru yang terhasil. Hal ini bererti Teori Pembelajaran Konstruktivis adalah sepadan dengan epistemologi tabula rasa yang menyatakan bahawa pembelajaran murid mesti dikonstruk supaya murid dapat membina sendiri pemahaman baru berdasarkan apa yang telah mereka ketahui menerusi pembelajaran terdahulu (Marohaini, 2016). Pengetahuan yang telah diperoleh daripada pembelajaran lampau sedikitsebanyak akan mempengaruhi modifikasi terhadap pengetahuan baru yang dikonstruk. Dua kunci utama dalam struktur kognitif iaitu akomodasi dan asimilasi akan membantu murid mengkonstruk pengetahuan baru, mentransformasi input dan membuat keputusan. Asimilasi berfungsi dengan





cara menggabungkan pengalaman baru ke dalam pengalaman lama atau apa yang telah mereka ketahui. Keadaan ini secara tidak langsung akan menyebabkan murid berfikir dan menilai semula perkara yang mesti diutamakan. Akomodasi pula bererti memasukkan pengalaman baru ke dalam kapasiti mental sedia ada. Oleh hal yang demikian, guru mestilah tidak ‘menyuap’ pengetahuan secara terus kepada murid, sebaliknya menggalakkan murid berfikir dan mengeksplorasi idea dengan cara menghubungkan pengetahuan semasa dengan pengalaman sebenar murid dan andaian yang mungkin wujud sehingga konklusi kepada jawapan muktamad diperoleh berdasarkan penemuan yang muncul (Bada & Olusegun, 2015). Justeru, guru mestilah mengetahui konsep sedia ada yang dipunyai oleh murid, tahap pemahaman murid terhadap konsep terbabit dan seterusnya memainkan peranan sebagai fasilitator yang bertanggungjawab membimbing dan menjelaskan



sebarang ketidakfahaman dengan cara berdialog dan mengajukan soalan-soalan untuk dijawab sendiri oleh murid (Bada & Olusegun, 2015). Dalam hal ini, jika jawapan kepada soalan-soalan terbabit didapati bercanggah dengan pengetahuan sedia ada, maka keadaan tersebut mungkin akan mengubah tanggapan, mencorak semula pemahaman dan memadamkan maklumat terdahulu yang tidak relevan. Secara tidak langsung, keadaan ini akan membantu murid: (a) menjadi aktif dalam pembelajaran, (b) memperkaya pengetahuan, (c) membina kemahiran yang diperlukan untuk menganalisa dunia di sekeliling mereka, (d) mencari solusi terhadap isu yang timbul, dan (e) menjustifikasi perkataan dan perbuatan. Prinsip-prinsip teori tersebut adalah: (a) arahan yang diberikan mestilah berkait dengan pengalaman dan konteks pembelajaran, (b) arahan haruslah berstruktur, dan (c) arahan sebaiknya direka untuk memudahkan ekstrapolasi murid (Ahmad Sani, 2017). Selain itu, pembelajaran konstruktivis






turut merangsang murid untuk saling berinteraksi dengan murid lain menerusi soalan-soalan berkaitan perkara yang dipelajari supaya mereka sama-sama dapat membina perhubungan antara pengetahuan semasa dengan pengetahuan baru. Bukan itu sahaja, malah peranan penting lain seorang guru yang mengaplikasikan persekitaran konstruktivisme dalam pengajaran adalah: (a) menggunakan pelbagai sumber informasi bagi menyokong pembelajaran murid, (b) menggalakkan murid melakukan eksplorasi secara berkolaborasi, (c) merangsang interaksi antara murid dengan guru dan antara murid dengan murid bagi membincangkan kontradiksi yang timbul terhadap pemahaman awal murid berkenaan sesuatu perkara, (d) memberikan autonomi kepada murid untuk ‘menguruskan’ idea masing-masing, (e) menerima pendapat murid dan tidak mengenyahkan apa jua usaha inisiatif murid, (f) menilai pemahaman murid menerusi pencapaian mereka dalam tugas berstruktur terbuka, dan (g)



menggalakkan murid menilai bagaimana aktiviti pembelajaran berupaya membantu mereka memahami sesuatu perkara di mana keadaan ini turut dipengaruhi oleh sikap dan kepercayaan murid itu sendiri (Ziling & Yeli, 2018). Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pembelajaran merupakan suatu proses aktif untuk membina pengetahuan di mana ia secara tidak langsung turut menjadikan murid aktif memandangkan murid tidak lekang dengan aktiviti-aktiviti seperti mengaplikasikan pengetahuan semasa, mengenal pasti elemen relevan dalam pengalaman pembelajaran baru, menilai konsistensi pengetahuan dan seterusnya membuat modifikasi ke atas pengetahuan berdasarkan penilaian terbabit. Ringkasnya, pembelajaran konstruktivis melibatkan perkara-perkara berikut iaitu: (a) murid mengkonstruksi makna menerusi manipulasi, eksplorasi dan pembinaan pengetahuan untuk disesuaikan dengan kefahaman mereka sendiri, (b) pengetahuan baru dihasilkan berdasarkan pengetahuan sedia ada, (c)



interaksi sosial aktif merupakan faktor penggalak pembelajaran, dan (d) pembelajaran yang bermakna terhasil daripada aktiviti-aktiviti terpilih yang boleh turut sama diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.



Rajah 1.4: Kerangka teoretikal kajian berdasarkan adaptasi Teori Pencabulan Seksual Kanak-kanak (Finkelhor & Araj, 1986), Teori Bermain (Parten, 1929) dan Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Bruner, 1961)

Justeru, jelaslah bahawa pengajaran PEERS menerusi Modul PEERS-DK yang mapan dilihat sangat bersesuaian dan bertepatan bagi mengembangkan potensi kanak-kanak prasekolah memandangkan Drama Kreatif yang menjadi teras modul sememangnya dibina bertujuan menjadikan kanak-kanak prasekolah aktif dalam pembelajaran di mana mereka dirangsang untuk mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan realiti peristiwa yang pernah ditempuh bertujuan menjana kemahiran sosial mereka secara semula jadi dan menyeronokkan (Gül & Gücüm, 2015).

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk membina modul keselamatan seksualiti menerusi Drama Kreatif dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta menguji kesan modul tersebut terhadap pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

1.5.1` Objektif Kajian Fasa Analisis Keperluan

Secara umum, objektif kajian fasa analisis keperluan adalah mengeksplorasi keperluan pembinaan Modul PEERS-DK dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS di prasekolah. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengidentifikasi kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS.
- ii. Mengkaji faktor yang menjadikan kanak-kanak prasekolah fokus dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS.
- iii. Mensintesis Drama Kreatif sebagai kaedah pengajaran PEERS yang telah diaplikasikan oleh guru prasekolah.
- iv. Menghuraikan strategi pengajaran PEERS yang dicadangkan oleh guru prasekolah.

1.5.2 Objektif Kajian Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK

Objektif umum bagi fasa ke dua kajian adalah membangunkan Modul PEERS-DK yang berkualiti manakala objektif khusus pula ialah:

- i. Menganalisis kesahan kandungan Modul PEERS-DK.
- ii. Menilai kebolehgunaan Modul PEERS-DK.



1.5.3 Objektif Kajian Fasa Implementasi dan Keberkesanan Modul PEERS-DK

Objektif umum bagi fasa ke tiga kajian adalah menilai keberkesanan Modul PEERS-DK terhadap pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Objektif khusus kajian adalah:

- i. Menganalisis perbezaan min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- ii. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- iii. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- iv. Menganalisis perbezaan min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.
- v. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.
- vi. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.
- vii. Menganalisis perbezaan min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.
- viii. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.



- ix. Menganalisis perbezaan min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.
- x. Mengidentifikasi kemahiran preventif pencabulan seksual kanak-kanak prasekolah bagi kumpulan eksperimen selepas implementasi Modul PEERS-DK.

1.6 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian telah dibina berdasarkan objektif kajian yang dipecahkan mengikut tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan modul, fasa rekaan dan pembinaan modul dan fasa implementasi dan keberkesanan modul.

1.6.1 Soalan Kajian Fasa Analisis Keperluan

Secara umum, soalan kajian bagi fasa ini adalah ‘Apakah keperluan pembinaan Modul PEERS-DK dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS di prasekolah?’.

Secara khususnya, soalan kajian ialah:

- i. Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?
- ii. Apakah faktor yang mendorong kanak-kanak prasekolah fokus dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS?
- iii. Apakah jenis Drama Kreatif yang telah diaplikasikan oleh guru prasekolah dalam pengajaran PEERS?
- iv. Apakah strategi pengajaran PEERS yang dicadangkan oleh guru prasekolah?



1.6.2 Soalan Kajian Fasa Rekaan dan Pembinaan Modul PEERS-DK

Soalan umum kajian bagi fasa ke dua adalah ‘Apakah tahap kualiti Modul PEERS-DK secara keseluruhan?’. Soalan khusus kajian ialah:

- i. Apakah kesahan kandungan Modul PEERS-DK?
- ii. Apakah kebolegunaan Modul PEERS-DK?

1.6.3 Soalan Kajian Fasa Implementasi dan Keberkesanan Modul PEERS-DK

Soalan umum kajian adalah ‘Apakah tahap keberkesanan Modul PEERS-DK terhadap pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?’. Soalan khusus kajian ialah:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?





- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan?
- vii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?
- viii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?
- ix. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun?
- x. Apakah kemahiran preventif pencabulan seksual kanak-kanak prasekolah bagi kumpulan eksperimen selepas implementasi Modul PEERS-DK?



1.7 Hipotesis

Hipotesis merujuk kepada jangkaan yang bakal berlaku (Ghazali & Sufean, 2016). Empat langkah yang mesti dititikberatkan dalam pengujian hipotesis ialah: (a) membina hipotesis berdasarkan objektif dan soalan kajian, (b) menentukan aras signifikan bagi menguji hipotesis yang dibina, (c) mengumpul dan menganalisis data, dan (d) membuat keputusan sama ada menolak atau menerima hipotesis nul (Ramlee, Jamal & Marinah, 2020). Senarai hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

H_01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.





H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.



H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.

H₀₇: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.

H₀₈: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.





H_0 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi pencapaian pengetahuan pencabulan seksual antara kanak-kanak berumur enam tahun dengan kanak-kanak berumur lima tahun.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini bakal menyumbang kepada pembinaan modul keselamatan seksualiti berteraskan Drama Kreatif bagi pengajaran PEERS yang memfokuskan kepada peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Dalam hal ini, Anderson dan Dunn (2013) berpendapat bahawa konvensi drama yang pelbagai boleh digunakan untuk memenuhi objektif pedagogi yang berbeza-beza. Kenyataan tersebut disokong oleh Uzunöz dan Demirhan (2017) serta Metinnam et al. (2014) yang menerangkan bahawa Drama Kreatif sememangnya merupakan kaedah pengajaran kontemporari yang efektif dalam membina amalan pengajaran guru yang kreatif dan inovatif menjelang abad ke-21. Justeru, pembelajaran bermodul yang komprehensif menerusi Drama Kreatif dengan menekankan tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika berdasarkan sukatan DSKP diyakini mampu menggalakkan penglibatan aktif kanak-kanak prasekolah dalam pembelajaran PEERS.

Apa yang lebih penting adalah kanak-kanak prasekolah memperoleh pengetahuan berkenaan PEERS dengan lebih mudah memandangkan Modul PEERS-DK mengandungi aktiviti-aktiviti Drama Kreatif yang disusun lengkap dan teratur bagi mencapai objektif pembelajaran di samping membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran berikutan tahap kefahaman dan daya fokus kanak-kanak prasekolah amat bergantung kepada kebijaksanaan guru mengatur strategi untuk menarik perhatian mereka (Suppiah, 2018) semasa mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran selari dengan saranan YB Dato' Seri Mahdzir Khalid sempena Majlis Pelancaran PEERS Sehari di Sekolah bertempat di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 17(1) iaitu:





“PEERS Sehari di Sekolah ini diharap membuka mata pendidik khasnya para guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang kreatif berkaitan komponen PEERS selaras dengan kandungan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang telah disemak mulai tahun 2017...” (Facebook Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

1.9 Batasan Kajian

Terdapat enam batasan yang telah ditetapkan bagi melancarkan pelaksanaan kajian ini iaitu pertama, pengaplikasian kerangka model dalam pembinaan modul. Ke dua, penggunaan jenis aktiviti dalam pengisian modul. Ke tiga, reka bentuk pengujian modul. Ke empat adalah jenis sampel manakala ke lima dan ke enam masing-masing ialah lokasi kajian dan skop pemboleh ubah bersandar yang dianalisis. Bagi aspek pertama iaitu pengaplikasian kerangka model, pengkaji merujuk kepada Model Pembangunan Modul Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005) sebagai asas utama bagi pembinaan modul dalam kajian ini memandangkan reka bentuknya memenuhi kehendak dan keperluan kajian. Selain itu, model ini juga dilihat bersesuaian dengan keseluruhan proses pembinaan modul dan matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji. Batasan berikutnya iaitu berkenaan penggunaan jenis aktiviti dalam pengisian modul, pengkaji memfokuskan kepada pengaplikasian Drama Kreatif sebagai teras penyampaian kandungan modul kerana Drama Kreatif berupaya membantu kanak-kanak prasekolah ‘merasa’ dunia di sekeliling mereka menerusi penerokaan pengalaman, kreativiti, analisis dan pengetahuan (Uzunöz & Demirhan, 2017; Gül, 2015). Di samping itu, eksperimen kuasi dua kumpulan tidak setara ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan merupakan reka bentuk pengujian modul yang telah dipilih memandangkan pengagihan sampel tidak dapat dilaksanakan secara rawak. Seterusnya, kajian ini hanya melibatkan kanak-kanak prasekolah berumur lima dan enam tahun yang mengikuti DSKP di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan





Malaysia manakala lokasi prasekolah dipilih berdasarkan statistik kes pencabulan seksual kanak-kanak tertinggi mengikut negeri bagi tempoh lima tahun terkini. Bagi batasan keenam, pemboleh ubah bersandar yang diukur dihadkan hanya kepada pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sahaja.

1.10 Definisi Istilah dan Definisi Operasional

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa istilah penting untuk didefinisikan secara konseptual dan operasional. Menurut Gravetter dan Forzano (2018), definisi operasional merupakan prosedur untuk mengukur konstruk hipotetikal iaitu pemboleh ubah yang tidak dapat diukur dan diperhatikan secara langsung.

1.10.1 Modul

Modul adalah satu atau beberapa aktiviti yang menerangkan topik tertentu secara sistematik dan berurutan bagi membantu peserta menguasai dan mengikuti sesuatu aktiviti dengan mudah, cepat dan tepat sama ada berbantuan fasilitator atau tanpa berbantuan fasilitator (Jamaludin, 2016). Russel (1974) mendefinisikan modul sebagai satu pakej pengajaran yang mempunyai hubungan dengan konsep mata pelajaran bertujuan membantu pelajar menguasai pembelajaran. Modul dalam kajian ini merujuk kepada Modul PEERS-DK berasaskan Drama Kreatif yang mengandungi satu unit pengajaran PEERS untuk kanak-kanak prasekolah berdasarkan DSKP di bawah tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika.

1.10.2 Drama Kreatif

Drama Kreatif didefinisikan sebagai aktiviti drama berstruktur yang menggalakkan kanak-kanak mengeksplorasi isu, idea, perasaan dan peristiwa menerusi peranan serta situasi yang diimajinasikan sama ada diambil daripada



realiti atau fantasi di mana ia dipercayai dapat membantu membentuk emosi yang stabil, komunikasi yang efektif, kemahiran menyelesaikan masalah serta kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (Uzunöz & Demirhan, 2017; Tapio, 2016). Batdi dan Batdi (2015) mengklasifikasikan Drama Kreatif sebagai suatu kaedah pengajaran semula jadi kerana ia menyokong sifat alami kanak-kanak yang belajar menerusi imitasi. Justeru, kanak-kanak prasekolah dirangsang untuk bereksplorasi menerusi permainan berstruktur dengan melibatkan improvisasi terancang tanpa hafalan skrip yang mengutamakan pergerakan tubuh dan ritma secara spontan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan Drama Kreatif dengan merujuk kepada penggunaan boneka, pantomim, permainan teater, nyanyian aksi, lakonan cerita dan dramatisasi cerita di mana penekanan turut diberikan dalam aspek pemanasan tubuh sebelum memulakan Drama Kreatif sebagaimana yang disarankan oleh

Metinnam et al. (2014).

1.10.3 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)

Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) adalah suatu cabang ilmu yang sesuai dengan usia dan budaya untuk mengajar kelompok individu tentang hal-hal berkaitan seks dengan cara memberikan informasi yang tepat secara saintifik dan realistik bertujuan membuka peluang kepada golongan terbabit untuk mengeksplorasi nilai, sikap dan membina keupayaan dalam membuat keputusan, komunikasi serta kemahiran mengurangkan risiko berkenaan aspek-aspek seksualiti dengan cara membekalkan informasi, motivasi serta kemahiran tingkah laku yang diperlukan bertujuan meningkatkan kesihatan seksual dan mengelakkan kesan negatif akibat pengabaian kesihatan seksual (UNESCO, 2017; *Canadian Guidelines for Sexual Health Education*, 2008). Keogh, Stillman dan Asare (2018)

mendefinisikan Pendidikan Kesihatan Seksualiti sebagai pendidikan tentang kesihatan seksual dan reproduktif yang menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan berhubung keputusan yang ‘sihat’ untuk dipraktikkan dalam kehidupan. Sehubungan itu, bagi memastikan Pendidikan Kesihatan Seksualiti adalah komprehensif dan menyeluruh, maka WHO telah menetapkan bahawa sukatan pelajaran subjek Pendidikan Kesihatan Seksualiti mestilah mengandungi topik-topik berkaitan pembangunan seksualiti, perhubungan sosial, imej tubuh badan, sikap mengambil berat dan peranan gender (Ballonoff Suleiman, 2014). Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) dalam konteks kajian ini merujuk kepada tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika di bawah unit FK 5.0 seperti berikut:

Jadual 1.9: Standard kandungan dan standard pembelajaran Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) prasekolah

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran	
FK 5.1	Mengaplikasi kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diridan reproduktif	FK 5.1.1	Menyatakan cara menjaga kebersihan anggota tubuh dengan betul
		FK 5.1.2	Bercerita tentang kepentingan menjaga kebersihan i. Diri ii. Pakaian iii. Peralatan peribadi
		FK 5.1.3	Mengetahui anggota tubuh lelaki dan perempuan: i. Kepala (Rambut, mata, telinga, hidung, mulut, bibir dan gigi) ii. Badan (Payudara, dada, bahu dan punggung) iii. Tangan iv. Kaki v. Organ genital (Zakar dan faraj) vi. Dubur
		FK 5.1.4	Mengetahui sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa
		FK 5.1.5	Mengaplikasikan kemahiran berkata “TIDAK” kepada sentuhan tidak selesa dan tidak selamat

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

1.10.4 Kanak-kanak prasekolah

Sistem pendidikan di Malaysia menekankan pendidikan prasekolah dalam Pendidikan Kebangsaan menerusi Akta Pendidikan 1996 dengan memfokuskan kepada penggunaan DSKP bagi kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan empat hingga enam tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017b). Kanak-kanak prasekolah dalam konteks kajian ini merujuk kepada kanak-kanak dalam lingkungan usia lima hingga enam tahun yang mengikuti DSKP di sekolah kebangsaan.

1.10.5 Pengetahuan pencabulan seksual

Pengetahuan pencabulan seksual dalam konteks kajian ini disandarkan kepada kurikulum prasekolah sedia ada iaitu pengetahuan mengenai: (a) anggota tubuh lelaki dan perempuan, (b) cara menjaga kebersihan anggota tubuh, dan (c) sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat.

1.10.6 Kemahiran preventif pencabulan seksual

Kemahiran preventif pencabulan seksual dalam konteks kajian ini terdiri daripada kemahiran: (a) berkata tidak dan jangan, (b) menjerit, (c) melarikan diri, dan (d) memberitahu individu lain mengenai situasi berisiko sehingga apa yang diberitahu dipercayai oleh individu tersebut.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian selain turut menekankan kepentingan PEERS untuk kanak-kanak prasekolah. Ibarat melentur buluh daripada rebung, usaha kerajaan memasukkan PEERS dalam kurikulum di peringkat prasekolah merupakan tindakan yang amat wajar dalam usaha mendidik generasi muda mengenai hal-hal berkaitan keselamatan seksualiti. Pernyataan masalah yang diutarakan



wujud berdasarkan senario semasa di mana keperluan untuk mengatasinya sepertimana gesaan Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan isu yang signifikan untuk diperhalusi dalam usaha menambahbaik sistem pendidikan. Justeru, pedagogi PEERS mestilah diperbaiki bagi membantu kanak-kanak prasekolah menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dengan cara yang efektif. Dalam hal ini, pelbagai strategi telah disarankan oleh kerajaan bertujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan memastikan kanak-kanak prasekolah memahami serta mengikuti aktiviti pembelajaran PEERS dengan lebih baik. Pengajaran PEERS menerusi Modul PEERS-DK ini bukan sahaja disampaikan secara terbuka dan telus tanpa diskriminasi, malah pengkaji turut menghormati kepercayaan kanak-kanak berdasarkan latar belakang agama, umur, bangsa, etnik, jantina, status ekonomi dan keupayaan kognitif serta fizikal. Tanpa sangsi, Drama Kreatif bakal menjadi kaedah pengajaran alternatif PEERS secara meluas di peringkat prasekolah yang berpotensi membantu mengukuhkan kaedah pengajaran dan pembelajaran sedia ada sekali gus memperkasa kanak-kanak dengan pengetahuan dan kemahiran preventif pencabulan seksual. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu di mana penekanan diberikan kepada tiga cabang utama yang menjadi nadi kajian ini iaitu Drama dalam Pendidikan, Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan kanak-kanak prasekolah.

